

Dasar Kewangan dan Perkembangan Sistem Kewangan

Sepanjang lapan bulan pertama 1999, dasar kewangan telah dilonggarkan bagi melengkapi dasar fiskal dalam membantu proses pemulihan ekonomi di samping menggalakkan sistem kewangan yang lebih kukuh. Dasar kewangan tertumpu kepada pengwujudan suasana yang menggalakkan pertumbuhan aktiviti ekonomi tanpa menjanakan inflasi. Dengan inflasi yang reda dalam jangka pendek, Bank Negara Malaysia (BNM) mampu melonggarkan dasar kewangan supaya mudah tunai sistem perbankan mencukupi agar dapat membantu proses pemulihan ekonomi serta memastikan pendeposit terus mendapat pulangan sebenar yang positif.

Pertumbuhan kewangan telah meningkat RM18.9 bilion atau 4.7% dalam lapan bulan pertama 1999. Prestasi sektor luar negeri yang kukuh, peningkatan dalam aktiviti ekonomi dan pasaran saham serta pelonggaran berterusan dasar kewangan telah menyumbang kepada pengembangan penawaran wang. Dalam suku pertama tahun 1999, pertumbuhan tahunan agregat kewangan utama M1, M2, dan M3 meningkat kepada -3.8%, 4.6% dan 3.9% pada akhir Mac (akhir tahun 1998: -14.6%, 1.5% dan 2.7%). Peningkatan yang tercatat dalam tempoh ini mencerminkan terutamanya mudah tunai sektor swasta, berikutan dari prestasi perdagangan luar negeri yang kukuh yang telah menyumbangkan kepada lebih akaun semasa imbalan pembayaran serta menghasilkan peningkatan rizab luar negeri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan pinjaman tetap perlahan, dengan pertumbuhan tahunan berkurangan kepada -4.7% dalam suku pertama yang mencerminkan pembayaran balik yang tinggi serta penjualan hutang tidak berbayar (Non-Performing Loans - NPL) kepada Danaharta

(RM10.3 bilion) dalam suasana perniagaan yang masih lemah.

Berikutan dari peningkatan mudah tunai dalam suku pertama, lebih sumber sistem perbankan telah berkembang lagi yang mana menghasilkan pelonggaran berterusan mudah tunai pasaran wang antara bank. Justeru, kadar faedah antara bank 3-bulan telah turun daripada 6.46% pada akhir tahun 1998 kepada 5.70% pada akhir bulan Mac 1999. Namun begitu, kadar campur tangan BNM tetap pada tahap 7%. Kadar Pemberian Pinjaman Asas (BLR) bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan kekal pada tahap 8.04% dan 9.50% sepanjang suku pertama. Sementara itu, kadar faedah purata deposit tetap bank perdagangan telah berkurangan kepada lingkungan 5.39% - 5.44% pada akhir Mac sementara kadar faedah purata syarikat kewangan telah berkurangan kepada lingkungan 5.69% - 5.90%. Walaupun terdapat penurunan dalam kadar faedah, namun pinjaman keseluruhan sistem perbankan terus berkurangan yang menyebabkan kemerosotan dalam nisbah pinjaman-deposit daripada 91.4% pada akhir tahun 1998 kepada 88.3% pada akhir Mac.

Pengembangan pertumbuhan kewangan yang tercatat untuk suku pertama berlanjutan ke suku kedua tahun 1999 dengan pertumbuhan tahunan M3 meningkat kepada 7.7% pada akhir Jun. Sektor luar negeri terus memberi kesan pengembangan ke atas penawaran wang, memandangkan prestasi eksport yang terus kukuh, aliran masuk modal swasta serta pinjaman luar negeri oleh Kerajaan. Ini seterusnya memberi kesan pengembangan ke atas aset luar negeri bersih BNM. Pinjaman kepada sektor swasta terus berkurangan sebanyak RM1.4 bilion dalam suku kedua yang mencerminkan pelupusan NPL sebanyak RM4.4 bilion kepada Danaharta dalam tempoh ini.

Arah aliran inflasi yang reda membolehkan pelonggaran berterusan kadar campur tangan 3-bulan BNM daripada 7.00% kepada 6.50% pada 5 April dan seterusnya kepada 6.00% pada 3 Mei. Penurunan kadar dasar ini bertujuan mengurangkan kadar faedah untuk menyokong momentum pemulihan ekonomi dalam suasana tekanan harga yang semakin reda. Namun demikian, pengurangan 100 mata asas dalam kadar campur tangan 3-bulan BNM dalam suku ini telah menyebabkan pengurangan 240 mata asas dalam kadar faedah antara bank 3-bulan daripada 5.7% pada akhir Mac kepada 3.30% pada akhir Jun, memandangkan terdapat peningkatan berterusan dalam mudah tunai sistem perbankan. Berikutan penurunan kadar campur tangan, BLR purata bank perdagangan dan syarikat kewangan berkurangan daripada 8.04% dan 9.50% pada akhir Mac kepada 7.24% dan 8.50% pada akhir Jun. Kadar faedah purata deposit tetap bank perdagangan dan syarikat kewangan turut berkurangan daripada antara 5.39% - 5.44% dan 5.69% - 5.90% kepada antara 3.75% - 3.80% dan 3.78% - 3.97% menjelang akhir Jun. Jumlah keseluruhan deposit sistem perbankan telah meningkat 4.7%, yang mencerminkan peningkatan aktiviti ekonomi dan sentimen pasaran yang bertambah baik. Namun demikian, jumlah pinjaman (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas dan Danaharta) berkurangan 5.0% dalam tempoh ini yang menyebabkan penyusutan dalam nisbah pinjaman-deposit kepada 86.8% pada akhir Jun. Walaupun mudah tunai sistem perbankan mencukupi, namun pertumbuhan pinjaman tetap kekal sederhana kerana pembayaran balik pinjaman yang tinggi, yang sebahagian besarnya terdiri dari pinjaman jangka pendek dan kemudahan yang berkaitan dengan modal dan dagangan yang tempoh matangnya lupus dengan sendiri. Kelulusan dan pengeluaran pinjaman yang merupakan petanda-petanda utama pemulihan berada pada tahap yang lebih tinggi dalam suku kedua iaitu RM25 bilion dan RM78.1 bilion berbanding dengan RM20.5 bilion dan RM77.5 bilion pada suku pertama.

Kedudukan kewangan yang terus meningkat dalam bulan Julai dan Ogos mencerminkan perkembangan baik dalam sektor luar negara dan keadaan ekonomi tempatan. M3 meneruskan arah aliran pertumbuhannya dengan kadar pertumbuhan tahunan meningkat lagi kepada 8.5% pada akhir Ogos yang mencerminkan terutamanya lebih dagangan yang besar dalam akaun luar negara serta kesannya ke atas rizab antarabangsa bersih

BNM dan aktiviti Kerajaan. Kadar campur tangan 3-bulan telah dikurangkan lagi sebanyak 50 mata asas kepada 5.50% pada 9 Ogos, seiring dengan keperluan untuk mengukuhkan lagi pemulihan ekonomi dengan melonggarkan kadar pemberian pinjaman. Hasilnya, BLR purata bank perdagangan dan syarikat kewangan telah berkurangan kepada 6.79% dan 7.95% pada akhir Ogos daripada tahap 7.24% dan 8.50% pada akhir Julai. Ini merupakan tahap terendah BLR dalam sejarah.

BNM tetap memperkenalkan langkah-langkah baru untuk menggalakkan pemulihan ekonomi sepanjang lapan bulan pertama 1999. Berkuatkuasa 4 Januari 1999, garis panduan pembiayaan sektor hartanah dikaji semula untuk menyelesaikan masalah hartanah yang masih tidak terjual. Institusi perbankan membiayai pembangunan harta kediaman dan rumah kedai baru yang nilainya melebihi RM250,000. Batasan pembiayaan ini juga merangkumi pembangunan hotel, pusat perangan, bangunan pejabat, padang golf, kelab dan kompleks membeli-belah. Namun demikian, pembiayaan akhir untuk pembelian harta kediaman dan bukan kediaman yang telah siap serta yang sedang dibina tidak terjejas. Institusi perbankan digalakkan untuk mengeluarkan pembiayaan akhir untuk membantu menghabiskan stok hartanah yang sedia ada agar dapat merangsangkan aktiviti ekonomi yang baru. Berkaitan dengan sasaran pertumbuhan pinjaman 8% menjelang akhir tahun ini, keupayaan institusi perbankan untuk memberi pinjaman dijangka akan bertambah baik dengan penstabilan NPL dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko (Risk-Weighted Capital Ratio - RWCR) yang meningkat melebihi keperluan minimum. Pertumbuhan pinjaman dijangka meningkat, memandangkan peningkatan pinjaman yang diluluskan serta prospek ekonomi yang baik dalam separuh kedua tahun ini. Seterusnya, mulai 28 Julai 1999, kriteria kelayakan minimum pendapatan tahunan untuk kad kredit telah dikurangkan daripada RM24,000 kepada RM18,000 sebagai sebahagian daripada usaha-usaha untuk merangsangkan permintaan dalaman bagi mengukuhkan pemulihan ekonomi.

Beberapa kemajuan dalam penstrukturan semula sektor-sektor perbankan dan korporat telah dilaksanakan sepanjang lapan bulan pertama 1999. Menjelang akhir Ogos 1999, Danaharta telah memperolehi dan mengurus pinjaman berjumlah RM39.3 bilion yang merangkumi 2,272 akaun daripada sistem kewangan. Danaharta telah

memperolehi dan mengurus NPL daripada sistem perbankan sebanyak RM30 bilion atau 34% daripada jumlah keseluruhan NPL sistem perbankan. Ini menyebabkan nisbah NPL bersih (klasifikasi 6-bulan) reda kepada 7.9% pada akhir Julai 1999, berbanding dengan 7.5% yang tercatat pada akhir tahun 1999. Kadar peningkatan bulanan purata NPL telah reda kepada 1.5% dalam tujuh bulan pertama 1999 daripada peningkatan bulanan purata sebanyak 10.1% dalam tahun 1998. Pada akhir Ogos, Danaharta telah menggunakan sebanyak RM7.6 bilion daripada RM15 bilion yang diperuntukkan bagi tujuan pembelian NPL. Seterusnya, Danaharta telah mengembangkan aktiviti pengurusan pinjaman dan asetnya, serta telah mula melupuskan sebahagian daripada aset yang diperolehi daripada institusi kewangan. Danaharta telah membuka tender terhadap pada 5 Julai 1999 untuk melupuskan sebahagian daripada aset pinjaman luar negeri dengan nilai pokok sebanyak AS\$142.82 juta. Pada 9 Ogos, iaitu tarikh tutup tender, terdapat dua penawaran utama dan 12 penawaran pasaran yang telah mengambil bahagian dalam tender tersebut. Kadar pemulihan ialah 55.3%.

Semenjak penubuhannya, Danamodal telah menyuntik modal dalam bentuk Pinjaman Modal Subordinat Boleh Tukar (Exchangeable Subordinate Capital Loans) berjumlah RM6.4 bilion ke dalam 10 institusi perbankan. Pada akhir Ogos 1999, suntikan modal oleh Danamodal berjumlah RM5.692 bilion selepas mengambil kira pembayaran balik modal oleh beberapa institusi kewangan. Dengan suntikan modal ini, RWCR 10 institusi perbankan tersebut telah kukuh kepada 12.5% pada akhir Ogos 1999 daripada 9.9% pada akhir September 1998, apabila institusi perbankan mula menerima modal tambahan.

Sebagai sebahagian daripada langkah-langkah berterusan untuk mewujudkan sistem perbankan yang kukuh lagi berdaya saing, skim penyatuan dan rasionalisasi institusi perbankan tempatan telah diumumkan pada 29 Julai 1999. Dengan penyatuan ini, kumpulan perbankan tempatan akan lebih berkemampuan untuk menangani cabaran globalisasi dan liberalisasi serta menyumbang secara lebih berkesan lagi dalam memenuhi perubahan kepada permintaan ekonomi tempatan.


Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) turut menunjukkan kemajuan yang baik dalam penstrukturan semula korporat.

Pada 21 September 1999, CDRC telah menerima 63 permohonan dengan hutang berjumlah RM35.02 bilion. Daripada jumlah ini, 12 skim penstrukturan semula yang melibatkan hutang sebanyak RM11.4 bilion telah selesai atau sedang dalam proses pelaksanaan sementara 2 kes yang lain yang melibatkan hutang bernilai RM1 bilion telah dirujuk kepada Danaharta. Seterusnya, 13 kes yang membabitkan hutang sebanyak RM3.1 bilion telah ditolak, sementara 36 kes melibatkan hutang sebanyak RM19.6 bilion sedang dirundingkan.

Penawaran Wang

Pengembangan wang terus meningkat dalam lapan bulan pertama 1999. Ini berikutan daripada momentum yang bertambah dalam aktiviti ekonomi serta lebih dagangan bulanan yang besar dan peningkatan rizab luar negara yang terhasil, telah menyumbang kepada pengembangan mudah tunai. Pertumbuhan yang lebih cepat dalam agregat kewangan yang lebih luas, M3, daripada 2.7% pada akhir tahun 1998 kepada 8.5% pada akhir Ogos 1999 mencerminkan pengembangan ini.

Carta 8.1
Arah Aliran Kewangan



1/ Pada akhir bulan Mac, Jun, September dan Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repo)

2/ Pada akhir bulan Ogos 1999.

Wang secara kecil, M1, yang ditakrif untuk meliputi matawang dalam edaran dan deposit semasa sektor swasta, telah berkembang dengan ketara pada kadar tahunan yang lebih tinggi iaitu 21.5% pada akhir Ogos 1999, berbanding dengan penguncupan 14.6% pada akhir tahun 1998. Pertumbuhan dalam M1 mencerminkan peningkatan permintaan untuk deposit semasa berikutan aktiviti ekonomi yang bertambah baik, khususnya dalam suku kedua. Deposit semasa telah meningkat pada kadar tahunan yang lebih tinggi iaitu 19.2% dalam tempoh lapan bulan pertama 1999, berbanding dengan penguncupan 28.0% untuk tempoh yang sama tahun 1998, yang mencerminkan pemulihan dalam ekonomi sebenar dan sentimen pasaran saham yang bertambah baik. Sementara itu, matawang dalam edaran telah mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 0.9% berbanding dengan penyusutan 6.0% untuk tempoh yang sama dalam tahun 1998.

Wang secara luas, M2, yang merangkumi M1 dan separa wang secara kecil [meliputi pegangan deposit tetap, deposit tabungan dan deposit matawang asing sektor swasta dengan bank perdagangan dan BNM, instrumen deposit boleh niaga bersih (IDB) serta perjanjian pembelian semula (repo)] mencatatkan pertumbuhan 11.3% pada akhir Ogos 1998 (akhir tahun 1998: pertumbuhan 1.5%). Peningkatan ini berikutan terutamanya dari hasil pertumbuhan yang lebih cepat dalam separa wang secara kecil sebanyak 5.9% dalam lapan bulan pertama 1999 (Januari-Ogos 1998: 2.8%) disebabkan pengembangan dalam deposit tetap dan deposit tabungan oleh individu, badan berkanun (termasuk kerajaan tempatan) dan perniagaan yang mencerminkan peningkatan dalam kedudukan kewangan dan mudah tunai mereka.

Pertumbuhan **agregat kewangan yang lebih luas, M3**, yang merangkumi M2 dan deposit sektor swasta (termasuk repo) yang disimpan dengan institusi perbankan yang lain, iaitu syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan Bank Islam tetapi tidak termasuk dana yang diletakkan di kalangan institusi-institusi tersebut telah bertambah dengan cepat daripada kadar tahunan 2.7% pada akhir tahun 1998 kepada 8.5% pada akhir Ogos 1999. Ini disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih cepat dalam deposit tabungan dan deposit semasa. Deposit tabungan dan deposit semasa telah bertambah daripada kadar tahunan 4% dan -13.6% pada akhir tahun

1998 kepada 40.5% dan 43% pada akhir Ogos 1999. Dalam tempoh yang sama pada tahun 1998, deposit tabungan dan deposit semasa telah berkurangan daripada -10.6% dan 0.2% kepada -18.7% dan -24%.

Dalam lapan bulan pertama tahun 1999, sektor luar negara telah memberi kesan pengembangan kepada penawaran wang sebanyak RM25.1 bilion (Januari-Ogos 1998: RM15.5 bilion) dengan rizab antarabangsa BNM meningkat sebanyak RM23.5 bilion kepada RM122.9 bilion menjelang akhir Ogos 1999. Pada masa yang sama, tanggungan luar negeri bersih sistem perbankan telah meningkat sebanyak RM1.7 bilion kepada RM3.1 bilion dalam tempoh ini. Walau bagaimanapun, tuntutan ke atas sektor swasta dalam lapan bulan pertama 1999 telah berkurangan 3.2% atau RM14.5 bilion (Januari-Ogos 1998: +RM3.8 bilion) disebabkan oleh pinjaman yang dikeluarkan kepada sektor swasta berkurangan 3.9% atau RM15.7 bilion berbanding dengan penyusutan sebanyak RM0.9 bilion atau 0.2% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Penyusutan pinjaman kepada sektor swasta disebabkan terutamanya oleh penjualan NPL bank kepada Danaharta dalam tempoh yang dikaji. Tuntutan bersih ke atas Kerajaan telah berkurangan sebanyak 12.8% sepanjang lapan bulan pertama 1999 (-70.4% dalam tempoh yang sama tahun lepas) yang mencerminkan deposit yang diletakkan sementara dengan BNM (+RM2.4 bilion) yang timbul daripada pinjaman bersih. Walaupun mudah tunai institusi perbankan telah bertambah baik dengan ketara dengan NPL bersih yang stabil pada tahap 7.9% (klasifikasi 6 bulan) pada awal tahun 1999 berbanding dengan 9.0% pada akhir tahun 1998, bank terus berhati-hati dalam mengeluarkan pinjaman. Pinjaman kepada sektor-sektor ekonomi yang diberikan keutamaan seperti perkilangan, pertanian dan sektor perkhidmatan kewangan berada pada tahap RM99.8 bilion pada akhir Ogos 1999, iaitu menunjukkan penurunan 7.6% untuk tempoh Januari ke Ogos tahun ini berbanding dengan pertumbuhan 2.7% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan kepada sektor harta benda yang luas dan penggunaan telah berkurangan sedikit, iaitu pada 1.7% dalam lapan bulan pertama tahun 1999 kepada RM192.2 bilion pada akhir Ogos 1999 berbanding dengan peningkatan 0.4% dalam tempoh yang sama untuk tahun 1998.

"Pengaruh-pengaruh lain" termasuk keuntungan yang tidak diagihkan, modal berbayar dan rizab

sistem perbankan serta bil-bil Bank Negara yang dipegang oleh sektor swasta bukan bank, telah memberi kesan penguncupan ke atas penawaran wang sebanyak 8.9% dalam lapan bulan pertama 1999.

Mudah Tunai Bank dan Pasaran Wang

Dalam lapan bulan pertama 1999, terdapat penambahan **mudah tunai dalam sistem perbankan** yang disebabkan terutamanya oleh lebihan dagangan yang kukuh ketika pertumbuhan pinjaman perlahan. Lebihan sumber sistem perbankan juga terus berkembang, menghasilkan kelonggaran berterusan dalam pasaran wang antara bank.

Walaupun kadar faedah rendah, namun **jumlah deposit** (termasuk repo) yang dikumpul oleh sistem perbankan telah meningkat sebanyak RM9.2 bilion atau 2.1% dalam lapan bulan pertama 1999 berbanding dengan penguncupan RM10.7 bilion atau 2.5% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Sebahagian besar deposit baru yang di kumpul oleh bank perdagangan adalah dari sumber individu (73.7% atau RM13.9 bilion), diikuti oleh perniagaan (30.1% atau RM5.6 bilion) dan badan-badan berkanun (5.7% atau RM1.1 bilion). Walau bagaimanapun, deposit baru yang diletakkan oleh institusi kewangan telah berkurangan sebanyak RM4.2 bilion. Pertumbuhan tahunan keseluruhan deposit sistem perbankan telah meningkat 4.2% pada akhir Ogos 1999, berbanding dengan penyusutan 0.5% pada akhir tahun 1998.

Dalam lapan bulan pertama 1999, **jumlah pinjaman dan pendahuluan** sistem perbankan (termasuk NPL yang dijual kepada Danaharta) telah berkurangan sebanyak RM2.4 bilion atau 0.6% berbanding dengan peningkatan sebanyak RM0.8 bilion atau 0.2% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman telah pulih dan meningkat dalam suku kedua berikutan pemulihan aktiviti ekonomi dalam negeri. Pada akhir Ogos 1999, sebahagian besar kredit (tidak termasuk NPL yang dijual kepada Danaharta) telah disalurkan untuk membiayai sektor harta benda yang luas (36.4%), perkilangan (15.5%) dan kredit penggunaan (12.2%). Namun demikian, kadar tahunan pertumbuhan jumlah pinjaman (termasuk NPL yang dijual kepada Danaharta) ialah 0.5% pada akhir Ogos 1999 (Ogos 1998: 7.5%). Terdapat lebihan sumber

sebanyak RM25.9 bilion dalam sistem perbankan dalam lapan bulan pertama 1999 berbanding dengan jurang sumber sebanyak RM11.3 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 1998, menyebabkan nisbah pinjaman-deposit telah berkurangan daripada 91.4% pada akhir tahun 1998 kepada 85.7% pada akhir Ogos 1999. NPL bersih sistem perbankan yang meningkat sedikit kepada 7.5% (klasifikasi 6 bulan) daripada jumlah pinjaman pada akhir tahun 1998 kepada 7.9% pada akhir Julai 1999. RWCR sistem perbankan berada pada tahap 12.8% pada akhir Ogos 1999, iaitu terus melebihi 8% tahap minimum piawaian antarabangsa serta kedudukan pada akhir tahun 1998 (11.8%).

Pasaran wang antara bank tetap aktif dalam lapan bulan pertama 1998, sungguhpun jumlah urus niaga dalam tempoh ini adalah lebih rendah berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1998. Jumlah purata bulanan sebanyak RM116.9 bilion telah diniagakan dalam pasaran pada tempoh lapan bulan pertama 1999, berbanding dengan purata kira-kira RM164.1 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998. Dana jangka pendek merupakan sebahagian besar dana yang diniagakan, dengan jumlah purata wang semalaman sebanyak RM65.6 bilion dalam lapan bulan pertama 1999.

Kadar faedah antara bank berkurangan secara berperingkat dalam lapan bulan pertama 1999, iaitu penerusan arah aliran yang bermula dalam separuh tahun kedua 1998. Purata kadar faedah antara bank untuk tempoh kematangan 7-hari sehingga 6 bulan pada bulan Ogos 1999 adalah dalam lingkungan 2.65%-3.40% (5.85% - 6.45% pada bulan Disember 1998). Purata kadar faedah antara bank 3-bulan telah berkurangan daripada 11.07% pada bulan Jun 1998 kepada 6.48% pada bulan Disember 1998, dan seterusnya kepada 3.19% pada bulan Ogos 1999 yang mencerminkan kelonggaran mudah tunai dalam tempoh ini. Kadar faedah semalaman turut berkurangan secara berperingkat iaitu daripada 10.59% pada bulan April 1998 kepada 5.41% pada akhir tahun 1998 kepada tahap yang terendah iaitu 2.54% pada bulan Ogos 1999. Seiring dengan pergerakan dalam kadar faedah antara bank, kadar faedah purata deposit tetap untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan telah berkurangan kepada antara 3.75%-3.79% dan 3.78%-4.04% menjelang akhir Ogos 1999 berbanding dengan antara 5.74%-5.83% dan 6.35%-6.57% pada akhir tahun

1998. Kadar faedah purata deposit tabungan untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan turut berkurangan sedikit iaitu antara 129 dan 156 mata asas kepada 2.89% dan 3.62% pada akhir Ogos 1999. Pada akhir bulan Ogos 1999, BLR purata telah berkurangan kepada 6.79% dan 7.95% untuk bank perdagangan dan syarikat kewangan berbanding dengan 10.61% dan 12.65% pada akhir tahun 1998, mencerminkan kos dana yang rendah.


Bank Perdagangan

Dalam lapan bulan pertama 1999, **jumlah sumber** bank perdagangan termasuk modal dan rizab, deposit, pinjaman daripada lain-lain institusi kewangan, penerimaan juru bank dan tanggungan lain seperti faedah tergantung, peruntukan untuk hutang lapuk dan hutang ragu serta pinjaman daripada BNM dan bil diskaun BNM, telah mengembang sebanyak 5.4% atau RM24.6 bilion berbanding dengan penguncupan 5.3% atau RM25.4 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998. Peningkatan dalam jumlah sumber ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan deposit.

Sepanjang lapan bulan pertama 1999, **deposit baru** yang dikumpulkan oleh bank perdagangan termasuk IDB, Tabung Pelaburan Baru (TPB), deposit khas dan repo telah mengembang sebanyak 6.1% atau RM18.8 bilion (Januari - Ogos 1998 : -1.7%) berikutan dari pengembangan aktiviti-aktiviti dalam ekonomi sebenar serta peningkatan dalam pendapatan boleh guna seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8.1. Deposit yang disimpan dengan bank perdagangan merupakan 74.0% daripada jumlah keseluruhan deposit yang disimpan dengan sistem perbankan.

Sebahagian besar sumber bank perdagangan (59.4%) telah digunakan untuk membiayai pinjaman dalam lapan bulan pertama 1999. **Pinjaman dan pendahuluan** bank perdagangan menguncup sebanyak 0.6% kepada RM283.8 bilion (tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Bhd) pada akhir Ogos 1999 berbanding dengan pertumbuhan 4.2% kepada RM287.9 bilion pada akhir Ogos 1998 yang mencerminkan kebimbangan berterusan bank terhadap NPL. Kejatuhan ini disebabkan terutamanya oleh pinjaman yang dijual atau diuruskan oleh Danaharta yang bernilai RM11.3 bilion untuk tempoh yang dikaji. Jika pinjaman yang telah dilupuskan diambil kira, maka

Carta 8.2
Bank Perdagangan



Jadual 8.1

Bank Perdagangan: Deposit

	Perubahan Dalam Tempoh				Pada Akhir Bulan Ogos 1999
	1998		1999		
	Januari-Ogos		Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit Semasa	-12,040.0	-27.5	6,396.0	17.4	43,189.6
Deposit Tabungan	-2,641.5	-10.2	5,459.0	20.4	32,258.7
Deposit Tetap	14,859.2	9.0	24,106.2	13.7	199,768.7
IDB ¹	-4,430.3	-11.2	-21,366.0	-58.0	15,492.4
Repo	-2,480.4	-16.5	-2,008.7	-12.8	13,624.8
Lain-lain ²	1,627.8	14.8	6,194.8	39.5	21,886.7
JUMLAH	-5,105.2	-1.7	18,781.3	6.1	326,220.9

¹ Instrumen deposit boleh niaga² Termasuk Tabungan Pelaburan Baru dan deposit khas.

Sumber: Bank Negara Malaysia

pinjaman dan pendahuluan baru bank perdagangan akan mencatatkan pengembangan 3.3% atau RM9,498.5 juta. Pengurangan dalam pinjaman dan pendahuluan baru disebabkan terutamanya oleh pengurangan pinjaman yang dikeluarkan untuk pembelian sekuriti (-15.2%), sektor-sektor kewangan, insurans dan perniagaan (-12.7%) dan sektor perkilangan (-1.6%), memandangkan sebahagian besar pinjaman kepada sektor-sektor ini telah dijual kepada Danaharta. Namun begitu, ini telah diimbangi oleh pengembangan pinjaman untuk perumahan (termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Bhd) sebanyak 7.1% dan kad kredit sebanyak 18%, berikutan pelancaran kempen pemilikan rumah pada awal tahun ini dan kelonggaran syarat permohonan kad kredit. Pinjaman yang dikeluarkan oleh bank perdagangan merupakan 74.6% daripada keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan pada akhir Ogos 1999.

Pinjaman yang dikeluarkan oleh bank perdagangan termasuk yang diberi kepada **sektor yang diberi keutamaan** seperti masyarakat Bumiputera, perumahan dan perusahaan berskala kecil. Dalam tujuh bulan pertama 1999, pinjaman kepada peminjam Bumiputera telah merosot sedikit sebanyak 4.8% atau RM3.2 bilion berbanding peningkatan 0.5% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Pada akhir Julai 1999, jumlah pinjaman yang disalurkan kepada masyarakat Bumiputera berjumlah RM80.5 bilion atau 33.7% daripada

Jadual 8.2

Bank Perdagangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Perubahan Dalam Tempoh				Pada Akhir Bulan Ogos 1999
	1998		1999		
	Januari–Ogos		Januari–Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	241.8	4.1	259.0	4.2	6,437.4
Perlombongan dan Kuari	441.7	56.1	–87.5	–7.3	1,112.7
Perkilangan	2,833.9	5.2	–899.3	–1.6	55,632.2
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	1,361.9	4.8	–3,848.4	–12.7	26,421.3
Pembinaan	2,313.3	7.9	–1,022.9	–3.3	29,550.1
Perdagangan Am	1,474.3	5.0	–307.1	–1.0	29,955.6
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	1,109.8	12.9	139.4	1.2	11,559.2
Hartanah	–373.4	–3.0	320.5	2.7	12,060.2
Perumahan ¹	4,230.0	11.1	3,090.2	7.1	46,457.6
Pelbagai	–1,484.3	–1.8	–1,793.1	–2.3	75,810.7
JUMLAH	12,149.0	4.2	–4,149.2	–1.4	294,997.0

¹ Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: Bank Negara Malaysia

keseluruhan pinjaman yang diperuntukkan (baki pinjaman yang diperuntukkan pada akhir tahun 1996) iaitu kurang daripada keperluan sasaran 30% yang ditetapkan oleh Garis Panduan Pemberian Pinjaman BNM 1998. Daripada pinjaman ini, 17.5% telah disalurkan kepada pembinaan, dengan 12.1% dan 10.9% disalurkan kepada sektor-sektor harta kediaman dan perkilangan. Pada akhir Mac 1999, bank perdagangan telah membiayai pembelian 64,898 unit rumah berharga RM100,000 ke bawah atau 65% daripada sasaran (sekurang-kurangnya 100,000 unit rumah sedemikian). Bagi pinjaman baru bernilai RM500,000 ke bawah yang dikeluarkan kepada pengusaha bersaiz kecil dan sederhana di bawah Garis Panduan Pemberian Pinjaman BNM 1998, bank perdagangan secara keseluruhannya telah menyalurkan pinjaman sebanyak RM2.0 bilion sehingga akhir Jun 1999.

Bank Negara Malaysia telah memperkenalkan "Garis Panduan Pemberian Pinjaman untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana, 1999" untuk menggantikan "Garis Panduan Pemberian Pinjaman Bersaiz RM500,000 dan ke bawah kepada Pengusaha Kecil dan Sederhana 1998".

Ciri-ciri Kelayakan	Garis Panduan Pemberian Pinjaman Bersaiz RM500,000 dan ke bawah kepada Pengusaha Kecil dan Sederhana, 1998	Garis Panduan Pemberian Pinjaman untuk Pengusaha Kecil dan Sederhana, 1999
Saiz pinjaman	RM500,000 dan ke bawah	RM5 juta dan ke bawah
Saiz pengusaha kecil dan sederhana	Dana pemegang saham tidak melebihi RM2.5 juta untuk syarikat dan aset bersih tidak melebihi RM2.5 juta bagi perniagaan yang berdaftar	Dana pemegang saham tidak melebihi RM10 juta bagi syarikat dan aset bersih tidak melebihi RM10 juta bagi perniagaan yang berdaftar

Di bawah garis panduan baru ini, bank perdagangan dikehendaki memberi pinjaman berjumlah RM1,043 juta kepada pengusaha kecil dan sederhana menjelang 31 Disember 2000. Perbezaan utama di antara kedua-dua garis panduan tersebut adalah seperti di atas.

Kadar faedah purata deposit tetap bank perdagangan mencatatkan penyusutan 98 ke 208 mata asas sepanjang lapan bulan pertama 1999 yang mencerminkan keadaan mudah tunai semasa. Kadar faedah purata deposit tetap bagi kematangan 1-bulan telah berkurangan daripada 5.82% setahun kepada 3.75% setahun. Begitu juga dengan kadar faedah deposit tetap untuk kematangan 3-bulan, 6-bulan dan 12-bulan yang telah berkurangan daripada 5.83%, 5.76% dan 5.74% setahun pada akhir tahun 1998, kepada 3.75%, 3.76% dan 3.79% setahun pada akhir Ogos 1999. Kadar faedah purata deposit tabungan telah berkurangan kepada 2.89% setahun dalam Ogos 1999 daripada 3.87% setahun pada akhir tahun 1998. Kadar faedah purata wajaran harian antara bank pasaran wang untuk kebanyakan tempoh matang telah berkurangan daripada lingkungan 5.41% hingga 6.48% setahun pada akhir tahun 1998 kepada lingkungan 2.91% hingga 3.82% setahun pada akhir Ogos 1999. **Kos dana purata** telah berkurangan sebanyak 243 mata asas kepada 3.74% setahun pada akhir Ogos 1999 sejajar dengan pengurangan dalam kadar faedah antara bank pasaran wang (akhir tahun 1998 : 6.17% setahun). Kadar berian pinjaman purata telah berkurangan kepada 8.00% setahun pada akhir Ogos 1999 daripada 9.72% setahun pada akhir tahun 1998 yang mencerminkan kos dana. Margin

faedah kasar telah melebar sebanyak 71 mata tahun asas daripada 3.55% pada akhir tahun 1998 kepada 4.26% pada akhir Ogos 1999, berikutan kadar pemberian pinjaman purata telah berkurangan pada kadar yang lebih perlahan daripada kos dana purata.

Kedudukan mudah tunai bank perdagangan turun-naik sepanjang lapan bulan pertama 1999. Namun, kedudukan mudah tunai bank perdagangan tetap lebih tinggi daripada tahap keperluan minimum 15% dengan 17.5% tahap tertinggi tahun ini yang tercapai pada April. Nisbah kecairan bank perdagangan berada pada 16.5% pada akhir Ogos 1999 berbanding dengan 17.9% pada akhir tahun 1998. Bank perdagangan mencatatkan lebihan pinjaman-deposit sebanyak RM42.4 bilion sepanjang lapan bulan pertama 1999 (Januari - Ogos 1998: -RM21.8 bilion) disebabkan oleh peningkatan 6.1% deposit dalam bank perdagangan, berbanding dengan penyusutan 0.6% dalam pertumbuhan pinjaman. Ini menghasilkan **nisbah pinjaman-deposit** bank perdagangan berkurangan kepada 87.0% pada akhir Ogos 1999 berbanding dengan 92.9% yang tercatat pada akhir tahun 1998.

Pada akhir Ogos 1999, terdapat 34 bank perdagangan yang beroperasi di negara ini, iaitu merangkumi 21 buah bank tempatan dan 13 buah bank yang dikuasai oleh pihak asing. Terdapat 1,586 buah cawangan bank tempatan pada akhir Julai 1999, iaitu satu peningkatan daripada 1,557 buah pada akhir Julai 1998, sementara bilangan cawangan bank di bawah penguasaan asing pula kekal sebanyak 144 buah.

Perbankan Islam

Operasi Perbankan Islam turut berkembang sejajar dengan pemulihan ekonomi negara tahun ini. Pada akhir Julai 1999, selain daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), sebanyak 54 institusi kewangan yang lain (24 bank perdagangan, 18 syarikat kewangan, 5 bank saudagar dan 7 syarikat diskaun) menawarkan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (SPI). Sepanjang tujuh bulan pertama 1999, terdapat peningkatan 47.3% dalam **jumlah aset** sistem perbankan Islam (SPI dan BIMB) kepada RM31.9 bilion pada akhir Julai 1999 (Julai 1998: RM13.5 bilion). Bagi tempoh yang sama, **jumlah deposit** yang dikumpulkan oleh sistem perbankan Islam meningkat 48.3% kepada RM24.4 bilion pada akhir Julai 1999, sementara **jumlah pembiayaan** mencatatkan penurunan 8.0% kepada RM11.8 bilion. Sebahagian besar deposit baru diperolehi daripada deposit pelaburan yang mencatatkan peningkatan 72.3% kepada RM17.1 bilion pada akhir Julai 1999. Sepanjang tujuh bulan pertama 1999, deposit simpanan dan deposit semasa meningkat 19.9% kepada RM2.5 bilion dan 37.5% kepada RM4.2 bilion.

Mengikut sektor, sebahagian besar pembiayaan disalurkan kepada sektor perumahan (24.8% atau RM2.9 bilion), dengan 22.1% (RM2.6 bilion) disalurkan kepada sektor pembinaan dan sektor hartanah sementara sektor perkilangan mendapat 12.4% (RM1.5 bilion) daripada pinjaman. Pasaran wang antara bank secara Islam mencatatkan urus niaga sebanyak RM281.6 bilion sepanjang tujuh bulan pertama 1999 berbanding dengan RM115.4 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998. Urus niaga bagi Bil Penerimaan secara Islam termasuk penerimaan juru bank hijau, berjumlah RM8.6 bilion pada akhir Julai tahun 1999.

Beberapa langkah baru telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuhkan pembangunan perbankan Islam. Langkah-langkah ini termasuk perkara berikut:

- (i) Berkuatkuasa 1 Disember 1998, istilah "Perbankan Tanpa Faedah" digantikan dengan "Perbankan Islam" dan institusi perbankan dikehendaki menggunakan istilah baru ini di dalam semua operasi, urus niaga dan koresponden perbankan Islam mereka;

- (ii) Berkuatkuasa 2 Januari 1999, institusi perbankan yang menyertai Skim Perbankan Islam dikehendaki menaikkan taraf Unit Perbankan Islam (UPI) mereka kepada Bahagian Perbankan Islam (BPI), yang dikehendaki menjalankan semua aspek perbankan Islam termasuk perkhidmatan perbankan dan pentadbiran;
- (iii) Berkuatkuasa 2 Januari 1999, dana minimum perbankan Islam sebanyak RM1 juta dinaikkan kepada jumlah berikut:-
 - (a) RM5 juta bagi bank perdagangan, yang mana akan dinaikkan secara berperingkat kepada RM20 juta menjelang 31 Disember 2000;
 - (b) RM5 juta bagi syarikat kewangan, yang mana akan dinaikkan secara berperingkat kepada RM10 juta menjelang 31 Disember 2000; dan
 - (c) RM3 juta bagi bank saudagar, yang mana akan dinaikkan secara berperingkat kepada RM6 juta menjelang 31 Disember 2000.
- (iv) Berkuatkuasa 4 Januari 1999, syarikat diskaun dibenarkan untuk menyertai Skim Perbankan Islam.
- (v) Berkuatkuasa 12 November 1998, institusi perbankan yang menyertai SPI dibenarkan untuk menerima dana yang tarikh matangnya kurang sebulan daripada pelanggan yang bukan pemain pasaran antara bank. Walau bagaimanapun, dana yang diterima melalui repo tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan perbankan Islam. Sebelum ini, hanya peniaga utama sahaja yang diberikan keistimewaan ini.
- (vi) Pada 8 Disember 1998, BNM memperkenalkan Garis Panduan Instrumen Boleh Niaga Secara Islam untuk dua produk pengambilan deposit yang baru berdasarkan prinsip-prinsip Islam, iaitu Sijil Hutang Boleh Niaga Secara Islam yang berdasarkan konsep Bai' Bithaman Ajil dan Instrumen Deposit Boleh Niaga Secara Islam yang berdasarkan konsep Al-Mudharabah. Produk-produk tersebut memberi ruang tambahan kepada Bank Islam dan institusi perbankan yang menyertai SPI untuk menggerakkan simpanan domestik daripada orang ramai. Pada masa yang sama, ia

membantu ke arah pembangunan pasaran wang secara Islam dengan instrumen mudah tunai yang boleh dipasarkan.

Syarikat Kewangan

Dalam lapan bulan pertama 1999, **jumlah sumber** (yang meliputi terutamanya modal dan rizab, deposit dan pinjaman dari lain-lain institusi kewangan) yang dikumpulkan oleh syarikat kewangan telah merosot sebanyak 8.4% kepada RM113.2 bilion berbanding dengan penyusutan 12.5% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Kemerosotan jumlah sumber adalah sebahagian daripadanya disebabkan oleh penggabungan dan penyerapan 14 buah syarikat kewangan di bawah program penggabungan untuk syarikat kewangan. Hasilnya, terdapat penyusutan yang besar dalam **jumlah deposit** syarikat kewangan sebanyak 8.8% kepada RM89.1 bilion pada akhir Ogos 1999 berbanding dengan penyusutan 3.8% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Seiring dengan penyusutan sumber, **operasi pemberian pinjaman** syarikat kewangan telah menguncup dalam lapan bulan pertama 1999 dengan **jumlah pinjaman** yang disalurkan kepada sektor-sektor ekonomi berkurangan 13.7% kepada RM74.7 bilion pada akhir Ogos 1999, berbanding dengan pengurangan 10.4% untuk tempoh yang sama tahun 1998. Penyusutan dalam jumlah pinjaman adalah disebabkan sebahagian daripadanya oleh pinjaman yang dijual kepada Danaharta semenjak bulan Oktober 1998 yang bernilai RM3.6 bilion.

Deposit baru yang dikumpulkan oleh syarikat kewangan telah berkurangan 8.8% kepada RM89.1 bilion sepanjang lapan bulan pertama 1999 berbanding dengan penyusutan sebanyak RM4.0 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998. Para pendeposit yang utama merupakan individu (52.7%), institusi-institusi kewangan (21.4%), badan-badan perniagaan (14.1%) dan Kerajaan serta badan-badan berkanun (11.6%). Dari segi jenis deposit baru yang dikumpulkan dalam tempoh ini, peningkatan dicatatkan oleh deposit tabungan (27.2% atau RM1.0 bilion), deposit SPI (63% atau RM1.6 bilion) dan lain-lain deposit (278.4% atau RM0.13 bilion) sementara terdapat penyusutan untuk deposit tetap (6.3% atau RM4.8 bilion), IDB yang dikeluarkan (32.3% atau RM4.2 bilion) dan repo (79.7% atau RM2.3 bilion). Deposit syarikat kewangan berjumlah RM89.1 bilion pada akhir Ogos 1999 yang merupakan 20.2% daripada

jumlah keseluruhan sumber sistem perbankan. Daripada jumlah keseluruhan deposit, sebanyak 79.6% merupakan deposit tetap, sementara IDB dan deposit tabungan adalah 9.8% dan 5.3% pada akhir Ogos 1999.

Aktiviti pinjaman syarikat kewangan terus menguncup sepanjang lapan bulan pertama 1999, disebabkan terutamanya oleh RM2.6 bilion NPL yang dijual kepada Danaharta serta kesan langsung penyerapan syarikat kewangan oleh bank perdagangan induk mereka. Ini mengakibatkan pengurangan 11.8% kepada RM81.3 bilion dalam jumlah pinjaman dan pendahuluan baru dalam lapan bulan pertama 1999, berbanding dengan penyusutan 10.1% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Pinjaman yang disalurkan untuk perumahan meningkat 5.4% sementara terdapat pengurangan 3% untuk perdagangan am dan 49.3% untuk hartanah. Syarikat kewangan telah mencatatkan lebihan sumber sebanyak RM14.4 bilion pada akhir Ogos 1999 (1998 : RM6.5 bilion) memandangkan pengurangan dalam pinjaman yang dikeluarkan adalah melebihi penguncupan dalam deposit untuk tempoh Januari ke Ogos 1999. Justeru, **nisbah pinjaman-deposit** turut berkurangan daripada 88.6% pada akhir tahun 1998 kepada 83.8% pada akhir Ogos 1999.

Kadar faedah purata deposit tetap syarikat kewangan untuk semua tempoh kematangan telah berkurangan sepanjang tempoh lapan bulan

Jadual 8.3

Syarikat Kewangan: Deposit

	Perubahan Dalam Tempoh				Pada Akhir Bulan Ogos 1999
	1998 Januari-Ogos		1999 Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	
Deposit tabungan	-521.6	-14.5	1,002.6	27.2	4,689.8
Deposit tetap	4,340.2	5.8	-4,799.0	-6.3	70,903.1
Deposit SPI ¹	496.2	40.2	1,554.4	63.0	4,022.9
IDB ²	-4,226.0	-22.5	-4,154.8	-32.3	8,693.6
Repo	-4,093.5	-52.0	-2,303.5	-79.7	587.7
Lain-lain	-34.3	-15.5	125.3	278.4	170.3
JUMLAH	-4,039.0	-3.8	-8,575.0	-8.8	89,067.4

¹ Skim Perbankan Islam

² Instrumen deposit boleh niaga

Sumber: Bank Negara Malaysia

pertama 1999 berikutan suasana kadar faedah yang berkurangan. Kadar faedah purata deposit tetap untuk semua tempoh kematangan telah turun antara 253 - 262 mata asas kepada 3.78% - 4.04% setahun untuk tempoh Januari ke Ogos 1999 (akhir tahun 1998: antara 6.35% - 6.57% setahun untuk semua tempoh kematangan). Kadar faedah purata simpanan tabungan turut berkurangan kepada 3.62% setahun pada akhir Ogos 1999 daripada 5.01% setahun pada akhir tahun 1998.

Kos deposit purata syarikat kewangan berkurangan daripada 7.74% setahun pada bulan Disember 1998 kepada 5.00% setahun pada akhir Ogos 1999, seiring dengan penurunan kadar faedah deposit tetap. Kadar pemberian pinjaman purata juga berkurangan sedikit iaitu sebanyak 21 mata asas, daripada 11.76% setahun pada bulan Disember 1998 kepada 11.55% setahun pada akhir Ogos 1999. Margin faedah kasar telah melebar daripada 4.02% pada akhir Disember 1998 kepada 6.63% pada akhir Ogos 1999 dengan pengurangan kos deposit purata pada kadar yang lebih cepat berbanding pengurangan kadar pemberian pinjaman purata. Seiring dengan pengurangan kos deposit purata, BLR purata

syarikat kewangan turut berkurangan daripada 9.50% setahun pada akhir tahun 1998 kepada 7.95% setahun pada akhir Ogos 1999.

Nisbah mudah tunai syarikat kewangan telah berubah-ubah dalam separuh pertama tahun 1999 dengan nisbah mudah tunai melebihi 10% keperluan minimum (12.5% bagi syarikat kewangan yang mengeluarkan instrumen deposit boleh niaga). Nisbah mudah tunai tertinggi sebanyak 19.4% telah dicatatkan untuk bulan Julai, iaitu melebihi 14.0% nisbah mudah tunai yang dicatatkan untuk akhir tahun 1998. Nisbah mudah tunai syarikat kewangan berada pada tahap 18.9% untuk bulan Ogos 1999.

Dari segi pembiayaan kepada **sektor-sektor yang diberi keutamaan** seperti terkandung dalam Garis Panduan Pinjaman BNM, pemberian pinjaman kepada masyarakat Bumiputera berjumlah RM29.7 bilion atau 38.8% daripada keseluruhan pinjaman pada akhir Julai 1999. Syarikat kewangan telah melebihi keperluan minimum untuk membiayai sekurang-kurangnya separuh daripada 40,000 unit rumah menjelang akhir Mac 1999 bagi pemberian pinjaman kepada individu untuk membeli rumah berharga RM100,000 ke bawah, yang mana sejumlah 25,081 unit rumah sedemikian telah dibiayai oleh syarikat kewangan. Syarikat kewangan telah mengeluarkan sebanyak RM0.3 bilion daripada pinjaman baru RM500,000 dan ke bawah yang diluluskan kepada pengusaha kecil dan sederhana di bawah Garis Panduan Pemberian Pinjaman 1998 BNM pada akhir Jun 1999. Dengan pengenalan Garis Panduan Pemberian Pinjaman 1999 yang baru, syarikat kewangan kini dikehendaki untuk memberi pinjaman sebanyak RM0.2 bilion kepada pengusaha kecil dan sederhana menjelang 31 Disember 2000.

Terdapat sejumlah 25 syarikat kewangan tempatan dengan 1,005 cawangan yang beroperasi di negara ini pada akhir Julai 1999.

Bank Saudagar

Aktiviti perantaraan kewangan bank saudagar berjalan perlahan dalam lapan bulan pertama 1999. Jumlah sumber yang digerakkan oleh bank saudagar daripada **aktiviti berdasarkan dana** telah berkurangan sebanyak RM2.1 bilion kepada RM37.1 bilion pada akhir Ogos 1999, berbanding

Jadual 8.4

Syarikat Kewangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Perubahan Dalam Tempoh				Pada Akhir Bulan Ogos 1999
	1998		1999		
	Januari-Ogos		Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	-212.8	-16.2	-144.7	-15.6	783.0
Perlombongan dan kuari	-64.5	-14.0	-64.7	-19.8	262.3
Perkilangan	-765.3	-13.7	-872.8	-21.7	3,153.9
Pembinaan	-463.3	-5.5	-574.2	-7.5	7,047.8
Hartanah	-53.8	-1.4	-1,595.9	-49.3	1,642.2
Kredit penggunaan	-6,545.0	-16.5	-2,612.1	-8.1	29,537.6
Pembelian stok/saham	-1,889.0	-18.1	-2,043.5	-22.5	7,028.4
Perumahan ¹	71.2	0.6	691.3	5.4	13,599.4
Perdagangan am	-30.2	-0.8	-109.6	-3.0	3,494.0
Pelbagai	-964.0	-4.4	-3,569.8	-19.5	14,737.5
JUMLAH ¹	-10,916.7	-10.1	-10,896.0	-11.8	81,286.1

¹ Termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas Berhad.
Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan penyusutan sebanyak RM6.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998, khususnya kerana penyusutan dalam portfolio pinjaman dan pemegangan sekuriti boleh niaga. Repo merupakan sumber pinjaman baru yang utama. **Deposit** yang diletakkan oleh institusi kewangan telah berkurangan 8.9% atau RM0.5 bilion kepada RM5.2 bilion pada akhir Ogos 1999, berbanding dengan peningkatan 42% atau RM1.8 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998. Sebahagian besar jumlah deposit terus ditumpukan kepada deposit tetap jangka pendek dengan tempoh kematangan sehingga enam bulan. **Jumlah deposit** (termasuk repo) yang digerakkan oleh bank saudagar telah berkurangan 3.8% daripada akhir tahun 1998 kepada RM25.3 bilion pada akhir Ogos 1999. Jumlah deposit yang digerakkan oleh bank saudagar, berbanding dengan jumlah deposit sistem perbankan telah berkurangan sedikit daripada 6.1% pada akhir tahun 1998 kepada 5.7% pada akhir Ogos 1999.

Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank saudagar telah berkurangan sebanyak 13.4% atau RM3.0 bilion dalam lapan bulan pertama 1999, berbanding dengan penyusutan sebanyak 1.7% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Ini terutamanya kerana penyusutan dalam peminjaman sebanyak RM3.0 bilion kepada sektor awam dan RM0.1 bilion kepada sektor swasta. Penyusutan dalam peminjaman kepada sektor swasta adalah disebabkan oleh pinjaman sebanyak RM1.6 bilion telah diambil alih oleh Danaharta dalam tempoh Januari ke Ogos 1999. Jika pinjaman ini diambilkira, peminjaman oleh bank saudagar hanya menyusut 5.2%. Penyusutan dalam peminjaman disebabkan terutamanya oleh peminjaman yang lebih rendah kepada sektor-sektor kewangan, insurans dan perniagaan, untuk pembelian sekuriti dan sektor pembinaan. Walau bagaimanapun, ini dapat ditampung sebahagiannya dengan peminjaman untuk hartanah, pembelian kereta penumpang dan lain-lain. Pada akhir Julai 1999, bank saudagar telah mengeluarkan 96.6% daripada jumlah pinjaman kepada sektor swasta, sementara sektor awam mendapat 0.5% dan yang bakinya merupakan pinjaman kepada pelanggan asing. Pada akhir Ogos 1999, pinjaman berjangka merupakan sebahagian besar daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank saudagar, iaitu sebanyak RM9.8 bilion atau 51%.

Dalam lapan bulan pertama 1999, bank saudagar telah mencatat lebih sumber sebanyak RM6.1

bilion (1998: -RM2.1 bilion) hasil daripada pengurangan yang perlahan dalam deposit (-3.8%) berbanding dengan penurunan dalam pinjaman (-13.4%). Ini menyebabkan **nisbah pinjaman-deposit** bank saudagar telah meningkat kepada 75.9% pada akhir Ogos 1999 berbanding dengan kedudukan 84.3% pada akhir tahun 1998. Dengan pengurangan kadar faedah deposit tetap, kos purata deposit bank saudagar telah berkurangan dengan ketara daripada 7.45% pada akhir tahun 1998 kepada 4.15% pada akhir Ogos 1999, sementara kadar pemberian pinjaman purata telah berkurangan daripada 10.71% pada akhir tahun 1998 kepada 8.14% pada akhir Ogos 1999. Ini menyebabkan margin kadar faedah kasar telah melebar sedikit, iaitu sebanyak 73 mata asas kepada 3.99% pada akhir Ogos 1999 daripada 3.26% pada akhir tahun 1998.

Nisbah mudah tunai bank saudagar turun-naik sepanjang lapan bulan pertama 1999. Namun demikian, nisbah mudah tunai yang dicatatkan oleh bank saudagar adalah lebih tinggi berbanding dengan paras keperluan minimum 10% (12.5% untuk bank saudagar yang mengeluarkan instrumen deposit boleh niaga). Nisbah mudah tunai bank saudagar pada akhir Ogos 1999 adalah 19.4%, iaitu rendah sedikit daripada tahap 20.3% yang dicatatkan untuk akhir tahun 1998.

Jadual 8.5

Bank Saudagar: Deposit Dan Pinjaman

	Perubahan Dalam Tempoh				Pada Akhir Bulan Ogos 1999
	1998 Januari-Ogos		1999 Januari-Ogos		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit					
Deposit tetap	338.6	2.2	-1,241.6	-7.7	14,823.4
Deposit SPI ¹	15.5	5.6	-67.4	-18.0	307.2
Repo	-1,636.2	-41.6	668.5	20.4	3,952.4
IDB	-309.8	-4.7	-23.2	-0.4	6,219.0
Lain-lain ²	5.1	1.4	-345.9	-93.2	25.4
JUMLAH	-1,586.8	-6.0	-1,009.6	-3.8	25,327.4
Pinjaman					
Pinjaman berjangka	137.4	1.3	-1,026.7	-9.5	9,802.1
Kemudahan kredit pusingan	-390.0	-3.7	-1,860.5	-18.9	7,977.5
Lain-lain	-149.7	-8.4	-76.5	-5.0	1,455.0
JUMLAH ¹	-402.3	-1.7	-2,963.7	-13.4	19,234.6

¹ Skim Perbankan Islam

² Termasuk bank saudagar dan institusi kewangan yang lain.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jumlah pendapatan daripada aktiviti berasaskan fi adalah sebanyak RM0.18 bilion atau 5.8% daripada pendapatan bank saudagar untuk separuh pertama tahun 1999, yang merupakan peningkatan 61.6% berbanding dengan pengurangan sebanyak RM0.11 bilion atau 53.8% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Sebahagian besar pendapatan berasaskan fi telah diperolehi daripada aktiviti-aktiviti perkhidmatan penasihat korporat (33.0%), penaja jamin (19.0%) dan pengurusan pinjaman konsortium bersindiket (15.0%).

Terdapat dua belas bank saudagar dengan 24 cawangan yang beroperasi dalam negara pada akhir Julai 1999. **Jumlah aset** bank saudagar telah merosot sedikit, iaitu 5.3% daripada akhir tahun 1998 kepada RM37.1 bilion pada akhir Ogos 1999 berbanding dengan penyusutan 15.6% dalam tempoh yang sama tahun 1998.

Syarikat Diskaun

Prestasi keseluruhan syarikat diskaun telah merosot dalam tempoh tujuh bulan pertama 1999. Ini dicerminkan oleh pengurangan sebanyak 7.5% dalam jumlah deposit (termasuk repo) yang digerakkan oleh syarikat diskaun kepada RM16.85 bilion berbanding dengan pengurangan sebanyak 11.7% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1998. Sebanyak 27.0% daripada jumlah deposit telah disumbangkan oleh bank perdagangan sementara bakinya disumbangkan oleh institusi-institusi kewangan yang lain.

Syarikat diskaun mencatatkan pengurangan 9.6% dalam **jumlah pelaburan** daripada akhir tahun 1998 kepada RM16.68 bilion pada akhir Julai 1999 (Januari-Julai 1998 : -1%). Pelaburan dalam bon Cagamas telah mencatatkan peningkatan yang ketara sebanyak 241.7% kepada RM843 juta dalam tempoh ini, berbanding dengan penyusutan 18% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta (PDS) menunjukkan pengurangan sebanyak 5.4% kepada RM12.84 bilion (Januari-Julai 1998: +0.1%), sementara pelaburan dalam penerimaan juru bank telah merosot 26.0% kepada RM3.17 bilion (Januari-Julai 1998: -44.7%). Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) dan IDB turut berkurangan dalam tempoh ini, iaitu 37.5% dan 40.8% berbanding dengan peningkatan 26.1% dan 40.6% dalam tempoh yang sama tahun 1998.

Institusi-institusi Pembiayaan Pembangunan

Institusi Pembiayaan Pembangunan (IPP) merupakan institusi yang ditubuhkan khas untuk menggalakkan pembangunan di sektor-sektor pertanian dan perkilangan serta eksport dan perdagangan antarabangsa. Jumlah sumber IPP meningkat sebanyak 18.9% kepada RM18.16 bilion pada akhir Jun 1999 daripada RM15.28 bilion pada akhir Jun 1998. Memandangkan IPP tidak dilesenkan untuk mengambil deposit daripada orang awam, sumber utama pembiayaan IPP masih merupakan peminjaman. Peminjaman IPP meningkat sebanyak 8.4% daripada RM7.20 bilion pada akhir Jun 1998 kepada RM7.81 bilion pada akhir Jun 1999 untuk menyumbang sebanyak 43.0% daripada jumlah sumber dana bagi IPP. Dana modal yang juga merupakan sumber pembiayaan penting bagi IPP, meningkat kepada RM2.22 bilion pada akhir Jun 1999 (akhir Jun 1998: RM1.31 bilion).

Sejajar dengan pemulihan ekonomi, aktiviti pemberian pinjaman oleh IPP juga meningkat. **Pinjaman baru** yang diluluskan oleh IPP meningkat dengan ketara, iaitu melebihi 500% kepada RM5.26 bilion pada akhir Jun 1999 daripada RM0.87 bilion pada akhir Jun 1998. Peningkatan dalam aktiviti memberi pinjaman adalah terutamanya oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur yang mencatat kelulusan pinjaman sebanyak RM4.69 bilion (akhir Jun 1998: RM0.21 bilion). Peningkatan kelulusan pinjaman oleh Bank Pembangunan dan Infrastruktur adalah khususnya berpunca daripada peruntukan pinjaman yang lebih tinggi untuk membiayai projek infrastruktur yang merupakan salah satu langkah untuk memulihkan ekonomi. Projek-projek yang dibiayai termasuk pembinaan sistem rel dari Kuala Lumpur Sentral ke Lapangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Stesen Pusat di Brickfields, projek Cyberjaya, Pembangunan Fasa Tambahan Pelabuhan Barat, Pelabuhan Kelang serta Projek Usahasama Transit Ringan Automatik (PUTERA), Sistem Transit Aliran Ringan (STAR) dan Projek Lebuh Raya Shahpadu.

Justeru, pinjaman kepada sektor harta tanah dan pembinaan meningkat kepada RM4.55 bilion untuk menyumbang sebanyak 86% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan pada akhir Jun 1999 (akhir Jun 1998: RM0.02 bilion atau 2%). Walau bagaimanapun, pinjaman kepada sektor perkilangan dan perkapalan masing-masing merosot sebanyak 19.4% dan 42% kepada RM0.44 bilion dan RM0.10 bilion (akhir Jun 1998: RM0.54 bilion dan RM0.17 bilion).

IPP terus melaksanakan beberapa skim bantuan khas. Antaranya ialah skim **Tabung untuk Makanan** yang telah dilancarkan pada awal tahun 1993 dengan peruntukan awal sebanyak RM0.30 bilion, yang kemudiannya ditambah sebanyak RM0.70 bilion dalam tahun 1997. Pada bulan Mei 1999, peruntukan ini ditingkatkan lagi sebanyak RM0.30 bilion kepada RM1 bilion. Peruntukan baru RM0.30 bilion ini diuruskan oleh Bank Pertanian Malaysia dan akan disalurkan kepada Persatuan Petani untuk diagihkan kepada ahli-ahli mereka. Kadar pemberian pinjaman maksimum Dana ini tetap pada tahap 4% setahun. Sebanyak 613 permohonan bernilai RM0.12 bilion telah diluluskan sepanjang sembilan bulan pertama 1999 (Januari - September 1998 : 388 permohonan bernilai RM0.11 bilion). Setakat 30 September 1999, terdapat 2,302 permohonan yang bernilai RM0.62 bilion yang telah diluluskan sementara pinjaman yang dikeluarkan bernilai RM0.50 bilion.

Berikutan kemelesetan tahun 1985/86, **Tabung Pemulihan Usahawan (TPU)** telah ditubuhkan pada tahun 1988 untuk menyediakan bantuan kewangan kepada pengusaha Bumiputera yang berdaya maju tetapi mengalami masalah. Terdapat peningkatan sebanyak RM0.01 bilion dalam jumlah pinjaman yang diluluskan sepanjang tujuh bulan pertama 1999 kepada RM0.66 bilion pada akhir Julai 1999, berbanding dengan peningkatan

sebanyak RM0.03 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1998. Pinjaman yang dikeluarkan berjumlah RM0.61 bilion dalam tempoh ini. Sebahagian besar pinjaman ini telah disalurkan kepada sektor-sektor perumahan (RM0.39 bilion), harta benda (RM0.06 bilion), Skim Rundingan Terus (RM0.05 bilion) dan pembinaan (RM0.04 bilion).

Tabung ASEAN - Jepun (AJDF) merupakan satu tabung pusingan yang telah ditubuhkan dalam bulan Januari 1989 dengan peruntukan dana awal oleh Tabung Kerjasama Ekonomi Seberang Laut (OECF) dan Bank Eksport - Import Jepun, yang ditadbirkan oleh Bank Pertanian, Bank Industri, Bank Pembangunan dan MIDF. Dana ini bertujuan membantu perkembangan industri kecil dan sederhana. Sepanjang tujuh bulan pertama 1999, agensi-agensi peraksanaan IPP telah meluluskan 2 permohonan bernilai RM300 juta berbanding dengan 4 permohonan (RM660 milion) dalam tempoh yang sama tahun 1998. Justeru, pinjaman yang diluluskan pada 31 Julai 1999 berjumlah RM1.92 bilion bagi 4,361 projek. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1.53 bilion telah disediakan oleh OECF sementara yang bakinya telah disumbangkan oleh Bank Eksport - Import Jepun.

Tabung Usahawan Baru (TUB) merupakan satu lagi skim bantuan bertujuan menggalakkan lebih banyak usahawan kecil dan sederhana Bumiputera untuk menceburi alam perniagaan, telah dilancarkan dalam bulan Disember 1989 dengan peruntukan sebanyak RM0.75 bilion. Peruntukan TUB telah ditingkatkan sebanyak RM0.5 bilion pada 15 Julai 1998 untuk berada pada tahap RM1.25 bilion masa kini, memandangkan TUB ini adalah satu tabung pusingan yang tidak dapat memenuhi permintaan kerana ianya melibatkan tempoh pembayaran balik yang lama. Pada 3 Mei 1999, kadar faedah untuk semua pinjaman di bawah TUB telah dikurangkan daripada 8% setahun kepada 6% setahun berikutan pengurangan kadar campur tangan 3-bulan daripada 6.5% kepada 6.0% pada hari yang sama. Agensi-agensi pelaksana Dana ini termasuk MIDF, Bank Pembangunan dan Infrastruktur, Bank Industri dan 9 bank perdagangan yang lain. Dalam tempoh sembilan bulan pertama 1999, sebanyak 257 permohonan bernilai RM0.12 bilion telah diluluskan (Januari - September 1998 : 53 permohonan bernilai RM0.06 bilion). Sehingga akhir September 1999, jumlah permohonan yang diluluskan ialah 2,443 yang bernilai RM1.18 bilion dengan pinjaman yang telah dikeluarkan sebanyak RM1.05 bilion.

Jadual 8.6

**Haluan Pemberian Pinjaman Oleh IPP
(RM juta)**

	Jun 1998	% sumbangan	Jun 1999 ^a	% sumbangan
Perkilangan	543.22	62.5	437.61	8.3
Perkapalan	169.93	19.6	98.40	1.9
Pertanian	63.44	7.3	132.12	2.5
Harta Tanah	17.14	2.0	4,550.23	86.5
Pembinaan, Perlomongan & Kuari	0.75	—	1.25	—
Lain-lain	74.43	8.6	42.35	0.8
JUMLAH	868.91	100.0	5,261.96	100.0

^a Data awalan

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Bhd., Bank Industri Malaysia Bhd., Export-Import Bank of Malaysia Bhd., Sabah Development Bank Bhd., Perbadanan Pinjaman Sabah dan Borneo Development Corporation (Sabah) Sdn. Bhd.

Tabung Industri Bumiputera (TIB) telah ditubuhkan pada 4 Januari 1993 dengan peruntukan sebanyak RM0.1 bilion untuk menggalakkan program pembangunan penjual di kalangan usahawan kecil dan sederhana Bumiputera. Pada 30 September 1999, institusi kewangan yang mengambil bahagian telah meluluskan sebanyak 99 permohonan bernilai RM0.10 bilion dengan RM0.09 bilion pinjaman sudah dikeluarkan. Oleh kerana peruntukan dana ini hampir habis, maka skim ini akan diserapkan di bawah TUB oleh kerana kedua-dua TIB dan TUB mempunyai kumpulan sasaran yang sama.

Tabung Penyusunan Industri telah dilancarkan dalam tahun 1991, dengan peruntukan awalan sebanyak RM0.5 bilion yang bertujuan menyusun dan menstrukturkan semula syarikat yang wujud sebelum 31 Disember 1990 dalam tiga industri terpilih (iaitu industri-industri yang berasaskan kayu, tekstil serta jentera dan kejuruteraan) melalui penggabungan, pengambilalihan, penempatan semula dan pelbagaian. Pada akhir September 1999, terdapat sejumlah 27 permohonan yang diluluskan dengan nilai agregat sebanyak RM0.11 bilion (1998 : RM 0.11 bilion) sementara pinjaman yang dikeluarkan berjumlah RM0.095 juta (1998: RM0.09 bilion). Berkuatkuasa 4 Ogos 1999, tabung ini telah ditamatkan. Dana tabung ini yang tidak digunakan akan disalurkan pula kepada Tabung Untuk Industri Kecil dan Sederhana (TIKS).

Kerajaan telah menubuhkan **Tabung Khas Pelancongan** pada bulan Mac 1990 dengan peruntukan sebanyak RM0.2 bilion, yang bertujuan bagi membiayai pembangunan projek berkaitan pelancongan. Tabung pusingan ini telah ditamatkan, memandangkan tiada permohonan baru diluluskan sejak 31 Disember 1997. Pada akhir September 1999, terdapat sebanyak 200 permohonan bernilai RM0.22 bilion sementara pinjaman yang dikeluarkan bernilai RM0.20 bilion.

Beberapa dana lain yang ditadbirkan oleh IPP dan institusi kewangan lain yang turut mengambil bahagian, termasuklah **Tabung Untuk Industri Kecil dan Sederhana (TIKS)**. Tabung ini telah dilancarkan dalam bulan Januari 1998 dengan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion untuk menggalakkan keupayaan produktif baru serta menggunakan keupayaan yang sedia ada dalam sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan dan yang berdasarkan pertanian. Kerajaan telah melonggarkan beberapa Garis Panduan Operasi

Tabung ini pada 8 Mei 1998 untuk meningkatkan keberkesanan Tabung ini serta menangani masalah yang dihadapi oleh IKS, yang telah terjejas oleh ekonomi yang lembap seperti berikut:

- (i) Kesemua aktiviti IKS di bawah sektor-sektor perkhidmatan dan yang berdasarkan pertanian adalah layak bagi pinjaman di bawah skim ini. Sebelum ini, hanya IKS yang terlibat dalam industri yang berorientasikan eksport atau mempunyai kaitan dengan penggantian eksport atau import sahaja yang layak;
- (ii) Jumlah pinjaman minimum telah dikurangkan daripada RM250,000 kepada RM50,000 untuk setiap pelanggan;
- (iii) Jumlah pinjaman maksimum telah ditingkatkan daripada RM2 juta (RM3 juta untuk kes khas) kepada RM5 juta bagi setiap pelanggan;
- (iv) Had 20% daripada pinjaman digunakan untuk modal kerja telah dihapuskan;
- (v) Had dana pemegang saham IKS telah ditingkatkan daripada RM5 juta kepada RM10 juta; dan
- (vi) Had RM50 juta pusingan jualan telah ditarik balik.

Semenjak 5 Oktober 1998, senarai institusi kewangan yang mengambil bahagian di bawah Tabung ini telah ditambah kepada 50 institusi, iaitu melibatkan kesemua bank perdagangan, 10 syarikat kewangan, Bank Islam Malaysia Berhad dan 4 IPP agar pinjaman dapat disalurkan dengan lebih cepat lagi kepada IKS. Kadar pemberian pinjaman maksimum di bawah tabung ini telah diturunkan dua kali sejak pelaksanaannya pada 2 Januari 1998 agar syarikat IKS dapat memanfaatkan penambahan mudah tunai dalam sistem perbankan, iaitu pada 5 Disember 1998 daripada 10% setahun kepada 8.5% setahun dan seterusnya kepada 6.5% setahun pada 3 Mei 1999.

Berikutan dengan beberapa langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki skim ini, bilangan pinjaman yang diluluskan telah meningkat daripada 78 pinjaman yang bernilai RM0.11 bilion pada 8 Mei 1998 kepada 3,345 pinjaman bernilai RM2.36 bilion pada 30 September

1999. Sementara itu RM1.16 bilion daripada pinjaman yang diluluskan ini telah dikeluarkan. Oleh kerana terdapat sambutan yang menggalakkan daripada IKS, peruntukan di bawah Tabung ini telah dinaikkan kepada RM1.85 bilion pada 4 Ogos 1999.

Kerajaan menyedari masalah yang dihadapi oleh IKS, terutamanya yang terjejas oleh kemelesetan ekonomi. Justeru, pada 23 November 1998, Kerajaan telah menubuhkan **Tabung Pemulihan untuk Industri Kecil dan Sederhana** yang bertujuan terutamanya untuk menyediakan bantuan kewangan kepada IKS yang berdaya maju tetapi menghadapi masalah NPL dan masalah aliran wang sementara. Pada dasarnya, ciri-ciri pinjaman di bawah Tabung ini seakan-akan dengan TIKS kecuali yang berikut:

- (i) Kadar pemberian pinjaman dan kadar dana yang lebih rendah (iaitu 5% setahun dan 1% setahun berbanding 6.5% dan 4.0% di bawah TIKS);
- (ii) Margin yang lebih lebar bagi institusi yang mengeluarkan pinjaman, oleh kerana mereka menanggung risiko kredit yang lebih tinggi di bawah skim ini (4.0% mata berbanding 2.5% mata di bawah TIKS); dan
- (iii) 30% daripada jumlah pinjaman yang diluluskan boleh digunakan untuk membiayai semula dan menstruktur NPL yang sedia wujud, yang kini tidak dibenarkan di bawah TIKS.

Pada masa dahulu terdapat 50 institusi kewangan yang mengambil bahagian di bawah Tabung ini. Seperti TIKS, senarai institusi kewangan yang mengambil bahagian telah ditambah merangkumi 56 institusi untuk menyegerakan penyaluran dana kepada IKS. Kesemua bank perdagangan, 17 syarikat kewangan, Bank Islam Malaysia Berhad dan 4 IPP termasuk dalam senarai ini. Setakat 30 September 1999, institusi perbankan yang terbabit telah meluluskan 254 permohonan bernilai RM0.21 bilion di bawah Tabung ini, yang mana RM0.11 bilion telah disalurkan kepada para peminjam. Kerajaan telah mengurangkan peruntukan Tabung ini daripada RM0.75 bilion kepada RM0.50 bilion mulai 4 Ogos 1999 untuk memastikan penggunaan sumber yang berkesan.

Kemudahan Pembiayaan Kapal telah ditubuhkan pada 30 Oktober 1992 dengan peruntukan sebanyak RM600 juta untuk meningkatkan keupayaan perkapalan membawa kargo Malaysia, iaitu sebagai satu langkah untuk mengatasi masalah defisit dalam akaun perkhidmatan imbalan pembayaran Malaysia. Sehingga 30 September 1999, Bank Industri Malaysia Berhad yang merupakan satu-satunya institusi kewangan yang mengambil bahagian, telah meluluskan sebanyak 33 permohonan bernilai RM0.55 bilion yang mana sebanyak RM0.52 bilion pinjaman telah disalurkan kepada peminjam.

Pada bulan Mei 1998, **Skim Khas Untuk Rumah Kos Rendah dan Sederhana** telah dilancarkan dengan peruntukan sejumlah RM1 bilion untuk membiayai pemaju yang layak, bagi membina rumah kos rendah dan sederhana yang berharga RM150,000 ke bawah seunit. Pinjaman titian yang diberikan di bawah skim ini adalah untuk tempoh maksimum 3 tahun atau sehingga tarikh projek perumahan ini siap, yang mana satu yang terdahulu. Pada 30 September 1999, institusi perbankan telah meluluskan sebanyak 139 permohonan bernilai RM0.94 bilion yang mana RM0.22 bilion pinjaman telah dikeluarkan. Kerajaan telah menamatkan skim ini pada 4 Ogos 1999 disebabkan kadar kelulusan dan pengeluaran pinjaman yang perlahan. Peruntukan yang tidak digunakan telah dipindahkan kepada TIKS.

Institusi-institusi Kewangan Lain

Bank Simpanan Nasional

Jumlah sumber Bank Simpanan Nasional (BSN) meningkat 15.6% kepada RM8.9 bilion pada akhir Jun 1999 (akhir Jun 1998: RM7.7 bilion). Peningkatan ini berikutan dari kenaikan **deposit** yang digerakkan oleh BSN sebanyak 11.1% kepada RM7.0 bilion (akhir Jun 1998: RM6.3 bilion). Deposit tetap meningkat 36.8% kepada RM2.6 bilion dan merupakan 37.6% daripada jumlah deposit (akhir Jun 1998: RM1.9 bilion). Deposit yang digerakkan menerusi skim GIRO telah meningkat 3.5% kepada RM2.4 bilion dan menyumbang 34.4% daripada jumlah deposit, sementara jenis deposit lain merosot.

Selaras dengan peningkatan jumlah sumber, pelaburan telah meningkat 20.4% kepada RM5.9 bilion pada akhir Jun 1999 (akhir Jun 1998: RM4.9

bilion). Sebahagian besar sumber BSN dilabur dalam deposit jangka panjang dan pendek serta dengan syarikat-syarikat subsidiari dan bersekutu, iaitu sebanyak RM2.4 bilion atau 40.7% daripada jumlah pelaburan. Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) berjumlah RM2.1 bilion dan merupakan 36.4% daripada jumlah pelaburan keseluruhan dan disusuli oleh pelaburan dalam stok dan saham untuk menyumbang 22.9% daripada jumlah pelaburan.

Berikutan pemulihan dalam aktiviti ekonomi, kegiatan peminjaman BSN juga meningkat. **Pinjaman** yang diberi oleh BSN meningkat sebanyak RM76 juta atau 4.8% kepada RM2.2 bilion (akhir Jun 1998: RM2.1 bilion). Sebahagian besar pinjaman masih terus disalurkan kepada individu dan telah mencatatkan pertambahan 15.1% kepada RM1.2 bilion atau 53.5% daripada jumlah pinjaman. Pemberian pinjaman untuk sewa beli merosot 24.5% kepada RM660 juta atau 30.3% daripada jumlah keseluruhan pinjaman (akhir Jun 1998: RM874 juta). Pinjaman yang disalurkan kepada sektor korporat meningkat dengan ketara sebanyak 77.7% kepada RM275.5 juta (akhir Jun 1998: RM155.0 juta). Seajar dengan kelonggaran pembayaran bulanan minimum untuk kad kredit, pinjaman yang diberi menerusi kad kredit meningkat 20.2% kepada RM31.8 juta (akhir Jun 1998: RM26.5 juta).

Bilangan cawangan BSN termasuk cawangan mini dan kecil merosot kepada 445 pada bulan Jun 1999 daripada 458 pada bulan Jun 1998 berikutan penggabungan beberapa cawangan. Pada masa yang sama, sejumlah 625 pejabat pos juga menyediakan kemudahan BSN.

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Kumpulan wang simpanan dan pencen terus merupakan sumber pembiayaan jangka panjang yang terbesar bagi sektor awam. Jumlah sumber yang digerakkan oleh sembilan kumpulan wang simpanan dan pencen yang terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Amanah Pencen serta lima kumpulan wang simpanan dan pencen swasta telah meningkat 13.7% kepada RM184.2 bilion pada akhir Jun 1999 (akhir Jun 1998: RM162 bilion). Jumlah caruman kepada kumpulan-kumpulan wang simpanan dan pencen ini menurun

Jadual 8.7

Bank Simpanan Nasional (pada akhir tempoh)

	Jun 1998	Jun 1999 ^a
Deposit ¹ (RM juta)		
Simpanan	1,478.0	1,403.4
Tetap	1,896.4	2,635.1
Simpanan Dari Pendapatan	18.6	15.2
GIRO	2,329.0	2,411.0
Sijil Simpanan Premium	544.7	543.4
Pelaburan pada nilai buku (RM juta)		
MGS	2,106.2	2,142.7
Stok and saham ²	1,345.4	1,351.5
Pelbagai ³	1,452.8	2,398.5
Pinjaman (RM juta)		
Individu	1,012.8	1,165.8
Korporat	155.0	275.5
Kad Kredit	26.5	31.8
Sewa Beli	874.4	660.4
Bilangan Cawangan BSN ⁴	458	445
Bilangan pejabat pos dengan kemudahan BSN	624	625
Bilangan penyimpan ('000)	8,760	8,170
Simpanan	3,053	2,580
Tetap ⁵	123	—
Simpanan Dari Pendapatan	17	14
GIRO	5,567	5,576

¹ Termasuk faedah yang dikreditkan.

² Termasuk saham amanah dan bukan amanah, sekuriti hutang swasta dan awam.

³ Termasuk deposit jangka panjang dan pendek.

⁵ Skim simpanan tetap ditukar kepada sijil mulai 9 Ogos 1998.

⁴ Termasuk cawangan mini dan kecil.

^a Data awalan.

Sumber: Bank Simpanan Nasional

sedikit kepada RM11.9 bilion berbanding RM12.1 bilion pada akhir Jun 1998. Walau bagaimanapun, caruman bersih meningkat 11.3% kepada RM7.9 bilion pada akhir Jun 1999 daripada RM7.1 bilion pada akhir Jun 1999. Ini disebabkan pengeluaran yang lebih rendah iaitu sebanyak RM4.0 bilion pada akhir Jun 1999 berbanding RM4.9 bilion pada akhir Jun 1998.

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) tetap merupakan kumpulan wang simpanan dan pencen terbesar di negara dengan menyumbang sebanyak RM158 billion atau 85.8% daripada jumlah keseluruhan sumber sembilan kumpulan wang simpanan dan pencen. Jumlah sumber KWSP meningkat 13.6% kepada RM158 billion pada akhir Jun 1999 daripada RM139 billion pada akhir Jun 1998, khususnya daripada peningkatan pulangan pelaburan. Pendapatan daripada pelaburan berkembang sebanyak 9.8% kepada RM5.3 billion (akhir Jun 1998: RM4.8 billion). Bilangan ahli KWSP telah bertambah sebanyak 978,683 pencarum, atau 11.7% kepada 9,368,153 pencarum termasuk pencarum warga asing sejak 1 Ogos 1998 (akhir Jun 1998: 8,389,470 pencarum). Ini mencerminkan pasaran buruh yang menggalakkan berikutan pemulihan ekonomi negara. Pelaburan dalam MGS meningkat 23.9% kepada RM47 billion dalam tempoh kajian dan menyumbang sebanyak 30.4% daripada jumlah pelaburan. Pelaburan dalam deposit dengan BNM telah meningkat dengan ketara sebanyak 202% kepada RM10.4 billion dan menyumbang sebanyak 6.7% daripada jumlah pelaburan (akhir Jun 1998: RM490 juta atau 3.6% daripada jumlah pelaburan). Begitu juga, pelaburan dalam bentuk pinjaman dan debentur meningkat dengan ketara sebanyak 72.4% kepada RM40.5 billion dan merupakan 26.3% daripada jumlah pelaburan (akhir Jun 1998: RM23.5 billion atau 17.4% daripada jumlah pelaburan). Walau bagaimanapun, pelaburan KWSP dalam sekuriti korporat dan pasaran wang masing-masing merosot sebanyak 30.3% kepada RM27.4 billion dan sebanyak 15.2% kepada RM28.5 billion pada akhir Jun 1999. Ini disebabkan oleh pasaran ekuiti yang masih belum pulih ke paras sebelum krisis kewangan dan rejim kadar faedah yang rendah.

Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang ditubuhkan di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 bagi menyediakan faedah keselamatan sosial kepada pekerja melalui Skim Bencana Pekerjaan dan Skim Pencen Ilat, telah menggerakkan jumlah sumber sebanyak RM7 billion pada akhir Jun 1999, iaitu peningkatan sebanyak 12.9% berbanding RM6.2 billion pada akhir Jun 1998. Sebahagian besar sumber PERKESO dilaburkan dalam deposit dan pasaran wang (50.0%), disusuli oleh MGS (35.4%) dan sekuriti korporat (8.3%).

Tabung Angkatan Tentera (TAT) telah ditubuhkan bagi menyediakan faedah persaraan

kepada anggota perkhidmatan tentera. Jumlah sumber yang digerakkan oleh TAT meningkat sedikit, iaitu 4.4% atau RM4.7 billion pada akhir Jun 1999 (akhir Jun 1998: RM 4.5 billion). Walau bagaimanapun, caruman bersih kepada TAT masih negatif disebabkan pengeluaran bersih yang lebih besar. Ini juga disebabkan oleh pertambahan kecil dalam pengambilan anggota baru berbanding dengan bilangan pesara serta pengeluaran bagi pembiayaan perumahan dan bayaran yang dibuat di bawah Skim Faedah Khairat Kematian dan Skim Hilang Upaya. Sebahagian besar pelaburan TAT dibuat dalam sekuriti korporat (RM3.8 billion atau 81.0% daripada jumlah pelaburan), sementara RM756 juta (16.1%) dilaburkan dalam deposit dan pasaran wang. Pelaburan dalam MGS masih kekal pada RM5 juta, sementara sebanyak RM7.1 juta dilaburkan dalam pinjaman yang dijamin Kerajaan.

Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) telah ditubuhkan di bawah Akta Tabung Amanah Pencen 1991 bagi mengambil alih tanggungjawab Kerajaan untuk memenuhi kos bayaran pencen, gratuiti dan lain-lain faedah persaraan sektor awam. Jumlah sumber yang digerakkan oleh KWAP meningkat 20.4% kepada RM13.6 billion pada akhir Jun 1999 daripada RM11.3 billion pada akhir Jun 1998. Peningkatan dalam jumlah sumber adalah hasil daripada kenaikan dana sebanyak 8.5% yang disumbangkan oleh Kerajaan Persekutuan dan negeri serta badan-badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan dan pertambahan 9.7% daripada bayaran balik caruman majikan kepada KWSP dan kumpulan wang lain yang diluluskan. Sebahagian besar sumber KWAP dilaburkan dalam deposit dan pasaran wang (56.8%), disusuli oleh pelaburan dalam ekuiti dan amanah saham (31.6%) serta pinjaman dan bon korporat (11.6%).

Jumlah sumber yang digerakkan oleh lima kumpulan wang dan pencen swasta pada akhir Jun 1999 meningkat 13.2% kepada RM863 juta daripada RM762 juta pada akhir Jun 1998. Sebahagian besar daripada sumber ini disalurkan kepada sekuriti korporat (38.3%), disusuli oleh deposit dan pasaran wang (34.6%) dan MGS (26.2%). Caruman bersih kelima-lima kumpulan wang simpanan dan pencen swasta ini masih negatif disebabkan pengeluaran bersih yang lebih besar.

Syarikat Insurans

Prestasi industri insurans turut terjejas oleh krisis kewangan. Jumlah pendapatan premium bagi sektor insurans hayat dan insurans am menguncup sebanyak 2.3% (1997: +14.4%) kepada RM10.9 juta pada tahun 1998, yang mana lebih daripada separuh pendapatan premium (57.1%) diperolehi daripada perniagaan insurans hayat. Jumlah pendapatan premium sebagai peratusan daripada Keluaran Negara Kasar nominal adalah sebanyak 4.2% pada tahun 1998. Pertumbuhan aset bagi dana industri insurans adalah sederhana, iaitu mencatatkan peningkatan 10.9% (1997: 13.0%) kepada RM38.7 bilion. Jumlah faedah dan tuntutan bersih yang dibayar oleh industri insurans telah meningkat 22.3% (1997: 28.2%) kepada RM4.5 bilion dan merupakan 41.0% (1997: 32.8%) daripada pendapatan premium.

Selepas satu dekad mengalami pertumbuhan positif, industri insurans hayat menguncup pada

tahun 1998 disebabkan kegawatan ekonomi. Premium perniagaan baru mencatatkan kemerosotan 10.2% (1997: +11.1%), sementara jumlah baru nilai diinsuranskan menguncup 2.8% pada tahun 1998 (1997: +18.2%). Semua kategori polisi mencatatkan pertumbuhan negatif dalam premium baru.

Berikutan daripada kegawatan ekonomi, nilai diinsuranskan yang dirampas meningkat 27.2% (1997: 17.5%) kepada RM15.4 bilion pada tahun 1998. Justeru, jumlah premium tahunan yang ditamatkan menerusi rampasan meningkat 34.3% kepada RM0.5 bilion. Sementara, jumlah diinsuranskan yang tamat menerusi serahan juga meningkat 49.1% kepada RM6 bilion pada tahun 1998 (1997: 7.7%) kerana lebih ramai pemegang polisi yang menyerah balik polisi untuk mendapatkan wang tunai.

Perniagaan baru yang berkurangan turut mempengaruhi kadar penamatan. Ini

Jadual 8.8

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen (pada akhir tempoh)

	Jumlah Sumber (RM juta)		Sekuriti Kerajaan Malaysia (RM juta)		Caruman Bersih (RM juta)	
	Jun 1998	Jun 1999 ^a	Jun 1998	Jun 1999 ^a	Jun 1998	Jun 1999 ^a
KWSP	139,131	158,054	37,922	46,987	3,413	3,868
PERKESO	6,184	7,034	2,759	2,489	241	233
TAT	4,547	4,683	5	5	(78)	(109)
KWAP	11,338	13,563	0	0	3,622	3,956
PPF ¹ Swasta	762	863	244	223	(39)	(17)
JUMLAH	161,962	184,197	40,930	49,704	7,159	7,931

^a Data awalan.

Angka dalam lingkungan menunjukkan pengeluaran bersih.

¹ Kumpulan wang simpanan dan pencen swasta.

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera, Kumpulan Wang Amanah Pencen dan lima kumpulan wang simpanan dan pencen swasta (Kumpulan Wang Simpanan Kakitangan Estet Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan MAS Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja SESCO, Skim Faedah Persaraan Petronas dan Kumpulan Wang Simpanan Jendarata-Bernam).

mengakibatkan pertumbuhan premium tahunan dan nilai diinsuranskan berkuatkuasa meningkat dengan perlahan kepada 4.2% (1997: 13.3%) dan 4.6% (1997: 13.9%) kepada RM6.2 bilion dan RM336.8 bilion pada tahun 1998. Polisi hayat sepanjang umur menguasai kategori insurans hayat dengan 36.4% daripada jumlah diinsuranskan yang berkuatkuasa dan diikuti oleh insurans sementara dengan 33.6% daripada jumlah perniagaan berkuatkuasa.

Pendapatan agregat industri insurans hayat telah mencatatkan pertumbuhan yang perlahan, iaitu 4.3% (1997: 11.6%) kepada RM8 bilion pada tahun 1998. Pertumbuhan yang perlahan ini, terutamanya disebabkan oleh kemerosotan dalam keuntungan daripada jualan aset sebanyak 94.2% (1997: -33.2%) kepada RM17 juta pada tahun 1998 berpunca dari keadaan pasaran saham yang lembap pada tahun 1998. Sementara, pertumbuhan pendapatan premium juga meningkat dengan lebih perlahan daripada 14.2% pada tahun 1997 kepada 4.2% pada tahun 1998. Pendapatan pelaburan bersih telah berkembang 19.4% (1997: 20.8%) kepada RM1.6 bilion pada tahun 1998. Dari segi hasil pelaburan, didapati kadar faedah bersih dana insurans tidak termasuk keuntungan atau kerugian modal telah meningkat 0.6 angka peratusan kepada 7.8% pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, hasil pelaburan termasuk kerugian modal telah merosot kepada 3.1% (1997: 7%) disebabkan kerugian daripada jualan sekuriti.

Jumlah perbelanjaan merosot 15.9% (1997: +53.7%) kepada RM4.3 bilion pada tahun 1998, terutamanya disebabkan oleh pengurangan kos perolehan yang merosot sebanyak 15.2% (1997: -0.9%) kepada RM1.3 bilion, berikutan pelaksanaan garis panduan kos operasi pada separuh kedua tahun 1998. Peruntukan bagi penyusutan nilai saham dan peruntukan hutang lapuk dan ragu dimasukkan kira semula dengan ketara pada separuh kedua tahun 1998 berikutan pemulihan harga saham. Ini membolehkan jumlah perbelanjaan industri insurans bertambah baik. Justeru, lebihan pendapatan daripada perbelanjaan telah meningkat 44% (1997: -27.5%) kepada RM3.7 bilion pada tahun 1998.

Jumlah aset dana hayat meningkat 12.5% kepada RM26.2 bilion pada akhir tahun 1998. Sekuriti korporat kekal sebagai komponen terbesar

dan merupakan 30.5% (1997: 29.4%) daripada jumlah dana hayat, disusuli oleh tunai dan deposit dengan 22.4% (1997: 22.9%) daripada jumlah aset. Ini menggambarkan dasar pelaburan yang lebih berhati-hati dan yang cenderung kepada mudah tunai seperti diamalkan oleh syarikat-syarikat insurans ekoran daripada keadaan pelaburan yang tidak menentu. Sementara, pinjaman polisi terus berkembang dengan ketara sebanyak 32.2% (1997: 24.1%) kepada RM2.6 juta disebabkan lebih ramai pemilik polisi mengambil pinjaman premium yang disediakan oleh syarikat insurans. Jumlah aset dana hayat yang dilaburkan dalam sekuriti kerajaan dan pinjaman dijamin Kerajaan terus menguncup pada tahun 1998 untuk menyumbang 13.5% (1997: 15%) daripada jumlah aset. Ini disebabkan keperluan berkanun yang lebih rendah bagi pegangan sekuriti kerajaan.

Pertumbuhan perniagaan insurans am pada tahun 1998 juga terjejas oleh kegawatan ekonomi dengan premium bertulis merosot 10.6% kepada RM5.4 bilion, berbanding peningkatan sebanyak 7.1% pada tahun 1997. Di samping pertumbuhan premium yang perlahan, nisbah bendungan bersih telah meningkat sedikit daripada 85% pada tahun 1997 kepada 85.8% pada tahun 1998. Keupayaan insurans semula dalam negeri telah meningkat ekoran daripada pemodalan semula yang lebih tinggi oleh beberapa syarikat insurans serta peranan yang dimainkan oleh syarikat insurans semula asing yang beroperasi di Malaysia yang menyumbang kepada pengurangan dalam aliran keluar premium. Premium insurans yang diserahkan ke luar negeri telah merosot 15.5% daripada RM912.6 juta pada tahun 1997 kepada RM770.7 juta pada tahun 1998. Semua sektor mencatatkan peningkatan dalam tuntutan pada tahun 1998, menyebabkan nisbah tuntutan keseluruhan merosot kepada 62.6% pada tahun 1998 berbanding 58% pada tahun 1997.

Selaras dengan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pendapatan premium, jumlah aset dana insurans am juga meningkat pada kadar yang perlahan, iaitu 7.7% kepada RM12.6 juta pada tahun 1998 (1997: 14.3%). Wang tunai dan deposit terus menjadi komponen terbesar dalam aset dana insurans am pada tahun 1998 dan menyumbang sebanyak 42.3% daripada jumlah aset, disusuli oleh sekuriti korporat yang berjumlah RM2.3 juta atau 18.6%.

Dalam separuh pertama tahun 1999, pendapatan premium yang digabungkan meningkat 3.1% kepada RM5.3 bilion berbanding peningkatan 3.7% dalam tempoh yang sama tahun 1998. Pertumbuhan yang berkurangan dipengaruhi oleh kemerosotan yang berterusan dalam pendapatan premium bersih bagi perniagaan am. Jumlah aset bagi dana insurans hayat dan insurans am mencatatkan pertumbuhan yang tinggi, iaitu 15.8% (Januari-Jun 1998: 8.9%) kepada RM42.2 bilion pada akhir separuh pertama tahun 1999.

Kadar pertumbuhan pendapatan premium bagi perniagaan insurans hayat telah meningkat 8.6% pada separuh pertama tahun 1999 berbanding dengan pertumbuhan 12.8% pada separuh pertama tahun 1998. Premium perniagaan baru dan nilai baru diinsuranskan masing-masing meningkat sebanyak 5.2% dan 6.8% dalam tempoh yang sama. Semua kategori polisi mencatatkan pertumbuhan positif dalam premium perniagaan baru kecuali premium perniagaan baru bagi hayat sepanjang umur yang menguncup sebanyak 2.8%.

Jumlah pendapatan industri insurans hayat mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 20.7% (Januari-Jun 1998: 8.8%) kepada RM4.5 bilion, sementara jumlah perbelanjaan merosot 15.2% (Januari-Jun 1998: +25.1%) kepada RM1.8 bilion. Kemerosotan dalam jumlah perbelanjaan adalah hasil daripada pengurangan dalam kerugian bagi pelupusan aset. Jumlah aset dana hayat meningkat 18.0% kepada RM28.7 bilion pada akhir Jun 1999. Sekuriti kerajaan terus kekal sebagai komponen terbesar dana hayat berjumlah 36.1% daripada jumlah dana.

Pada separuh pertama tahun 1999, jumlah premium bertulis bagi sektor insurans am telah menguncup 5.6% kepada RM2.6 juta (Januari-Jun 1998: kemerosotan 8.2%). Jumlah aset industri insurans am telah meningkat 7.1% kepada RM13.5 juta pada akhir Jun 1999 (Disember 1998: RM12.6 juta).

Pada akhir September 1999, terdapat 68 buah syarikat insurans yang terdiri daripada 7 syarikat insurans hayat, 11 syarikat campuran, 40 syarikat insurans am, 9 syarikat insurans am semula dan satu syarikat insurans semula hayat. Daripada jumlah ini, 58 syarikat ditubuhkan dalam negeri dan selebihnya merupakan syarikat asing serta terdapat 37 syarikat broker insurans berlesen dan 42 syarikat penilai kerosakan yang berlesen.

Jadual 8.9
Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	1998 ¹	1999 ²
Insurans Hayat (RM juta)		
Perniagaan Baru		
Bilangan Polisi ('000 unit)	1,143.0	517.0
Jumlah diinsuranskan	87,429.2	47,562.8
Jumlah Premium	1,420.4	714.8
Perniagaan Berkuatkuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	6,289.3	6,448.3
Jumlah diinsuranskan	336,795.7	34,041.4
Premium tahunan	6,208.3	6,356.9
Pendapatan Premium	6,198.0	3,123.4
Bayaran Faedah:		
Jumlah	1,925.9	967.8
Kematangan	529.4	248.7
Kematian dan hilang upaya	661.5	324.4
Serahan	478.9	253.3
Bonus tunai	255.9	141.3
Anuiti	0.2	0.1
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan Premium:		
Premium Bertulis ³	5,429.7	2,615.2
Premium Bersih	4,659.0	2,222.0
Insurans semula di luar Malaysia	770.7	393.2
Nisbah Bendungan (%)	85.8	84.9
Bilangan Syarikat Insurans		
Langung:		
Hayat	7	7
Am	40	40
Campuran	11	11
Insurans Semula:		
Hayat	1	1
Am	9	9
Bilangan Operator Takaful	2	2

¹ Pada akhir tahun.

² Setakat 30 June 1998.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perniagaan Takaful

Industri takaful negara merangkumi dua operator takaful, iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan Takaful Nasional Sdn. Berhad (TNSB). Berdasarkan data yang belum diaudit bagi tahun kewangan 1999, industri takaful terus berkembang dengan petunjuk utama perniagaan mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka. Jumlah aset dana takaful dan dana pemegang saham telah meningkat 41.1% kepada RM967.4 juta pada akhir tahun kewangan 1999 berbanding pertumbuhan 21.2% pada tahun 1998. Ini adalah hasil daripada pertumbuhan yang menggalakkan dalam perniagaan takaful keluarga. Aset dana takaful keluarga mencakup 61.5% daripada jumlah aset, sementara dana takaful am menyumbang 23.2% dan selebihnya, iaitu 15.3% merupakan aset dana pemegang saham. Pelaburan dalam Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia dan bon dijamin Kerajaan berjumlah RM144.1 juta atau 14.9% daripada

jumlah aset, sementara pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Berhad adalah sebanyak RM30.4 juta atau 3.1% daripada jumlah aset.

Perniagaan takaful baru meningkat dengan kukuh pada tahun 1999 dengan jumlah 88,286 sijil baru dijual di bawah perniagaan takaful keluarga, iaitu peningkatan 57.3% dengan jumlah penyertaan bernilai RM4,299.4 juta. Jumlah sumbangan yang diterima ke atas sijil-sijil baru meningkat 23.6% kepada RM147.5 juta pada tahun 1999. Perniagaan berkuatkuasa terus berkembang sejajar dengan pertumbuhan mantap perniagaan baru pada tahun 1999 dengan bilangan sijil berkuatkuasa meningkat 48.4% kepada 238,837 unit (1998: 160,944). Jumlah sumbangan dan penyertaan berkuatkuasa masing-masing meningkat sebanyak 48.8% dan 41.6% kepada RM376.4 juta dan RM17,410.4 juta (1998: RM253 juta dan RM12.3 juta) pada akhir tahun kewangan 1999.

Jadual 8.10

Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am

	<i>Insurans Hayat (RM juta)</i>			<i>Insurans Am (RM juta)</i>		
	1997	1998 ¹	1999 ²	1997	1998 ¹	1999 ²
Aset tetap	177.5	337.7	266.8	420.2	550.7	557.1
Pinjaman	5,269.9	5,826.7	5,727.2	564.7	549.1	470.2
Sekuriti Kerjaan*	3,367.6	3,408.3	3,976.3	2,183.0	2,108.9	2,253.4
Pinjaman Jaminan Kerajaan	122.3	129.5	78.4	20.0	38.9	69.7
Sekuriti Korporat	6,854.6	7,997.1	10,360.5	1,985.0	2,337.8	2,617.1
Pelaburan Harta Tanah	1,127.3	1,302.0	1,523.7	166.2	208.4	332.1
Wang tunai dan deposit	5,334.4	5,864.3	5,528.2	4,768.4	5,311.8	5,614.0
Aset lain	1,037.5	1,326.7	1,238.4	1,544.3	1,445.6	1,596.5
JUMLAH	23,291.1	26,192.3	28,699.5	11,651.8	12,551.2	13,510.1

* Termasuk Bil Perbendaharaan dan sekuriti kerajaan yang diterbitkan di luar negeri.

¹ Pada akhir tahun.

² Setakat Jun 1999.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perniagaan takaful am yang merangkumi perlindungan marin, motor, kebakaran, kemalangan diri berkumpulan dan kejuruteraan terus mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka, iaitu 16.2% dalam sumbangan kasar kepada RM142.5 juta pada tahun 1999 berbanding kadar pertumbuhan yang kukuh sebanyak 33.1% pada tahun 1998. Pertumbuhan yang perlahan ini disebabkan kegawatan ekonomi. Jumlah tuntutan bersih yang dibayar bagi tahun kewangan 1999 telah meningkat 44.6% daripada RM17.5 juta kepada RM25.2 juta, berbanding pertumbuhan 8.7% pada tahun 1998. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan tuntutan dari sektor motor serta pengalaman tuntutan yang tidak memuaskan dalam kumpulan wajib skim takaful kemalangan diri bagi murid-murid.

Pertumbuhan kukuh perniagaan takaful adalah terutamanya disumbangkan oleh perniagaan takaful keluarga dan juga berpunca daripada perkembangan rangkaian pengedaran dengan pembukaan beberapa pejabat cawangan dan kaunter takaful di seluruh negara bertujuan menggalakkan jualan keluaran takaful. Pada akhir Jun 1999, terdapat 61 kaunter takaful dan 52 pejabat cawangan takaful di seluruh negara berbanding dengan 59 kaunter takaful dan 36 pejabat cawangan takaful pada akhir Jun 1998. Pertumbuhan mapan perniagaan takaful sejak beberapa tahun kebelakangan ini, walaupun dalam suasana kelembapan ekonomi mencerminkan kesedaran yang meningkat di kalangan orang awam mengenai faedah takaful.

Pasaran Modal

Pada tempoh lapan bulan pertama 1999, dana bersih yang diperolehi daripada pasaran modal berjumlah RM2.8 bilion adalah 33.3% lebih tinggi daripada RM2.1 bilion yang diperolehi pada tempoh yang sama tahun 1998. Dana bersih yang lebih tinggi diperolehi oleh sektor awam sejajar dengan rangsangan fiskal yang diambil oleh Kerajaan untuk mencergaskan semula ekonomi. Sektor awam memperolehi sebanyak RM3.2 bilion dalam lapan bulan pertama 1998 berbanding penebusan bersih sebanyak RM546 juta pada tempoh yang sama tahun 1998. Walau bagaimanapun, sektor swasta mencatatkan penebusan bersih sebanyak RM436.8 juta, berbanding RM2.6 bilion yang diperolehi pada tempoh yang sama tahun 1998. Ini terutamanya

disebabkan oleh peningkatan 102.3% dalam penebusan sekuriti sebanyak RM8.7 bilion (1998: RM4.3 bilion). Kepentingan pasaran modal sebagai satu sumber pembiayaan dicerminkan oleh dana bersih yang diperolehi berjumlah RM2.8 bilion berbanding dengan kemerosotan dalam jumlah pinjaman sistem perbankan sebanyak RM1 bilion.

Sejumlah RM9.4 bilion diperolehi oleh sektor awam menerusi terbitan MGS bernilai RM6.0 bilion dan bon Khazanah bernilai RM1.4 bilion serta Terbitan Pelaburan Kerajaan bernilai RM2.0 bilion. Pada tempoh yang sama, jumlah penebusan adalah sebanyak RM6.2 bilion, melibatkan MGS sebanyak

Jadual 8.11

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	<i>Tahun Kewangan 1997</i>	<i>Tahun Kewangan 1998</i>	<i>Tahun Kewangan 1999^u</i>
Aset¹ (RM juta)			
Sijil Pelaburan Malaysia	99.5	113.9	144.1
Pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Bhd.	76.1	11.9	30.4
Lain-lain ²	390.1	559.6	792.9
Perniagaan Baru Takaful Keluarga:			
Jumlah sumbangan (RM juta)	79.2	119.3	147.5
Bilangan penyertaan (RM juta)	2,317.8	5,606.6	4,299.4
Bilangan sijil	50,005	56,126	88,286
Perniagaan Berkuatkuasa:			
Jumlah sumbangan (RM juta)	162.3	253.0	376.4
Bilangan penyertaan (RM juta)	7,892.2	12,291.7	17,410.4
Bilangan sijil	112,605	160,944	238,837
Perniagaan Takaful Am			
Caruman Kasar (RM juta)	92.1	122.6	142.5
Tuntutan pembayaran bersih (RM juta)	16.1	17.5	25.2

^u Data belum audit.

¹ Aset dana takaful keluarga, dana takaful am dan dana pemegang saham.

² Termasuk saham, wang tunai dan aset lain.

Sumber: Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Takaful Nasional Sdn. Berhad

RM4.2 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan sebanyak RM2.0 bilion dan Bon Simpanan Negara sebanyak RM1.8 bilion. MGS terus mencakup sebahagian besar (63.9%) daripada terbitan instrumen hutang, disusuli oleh Terbitan Pelaburan Kerajaan (21.3%) dan bon Khazanah (14.8%).

Meskipun pasaran ekuiti telah pulih tetapi sektor korporat masih berhati-hati untuk memperoleh dana daripada terbitan ekuiti baru berdasarkan pengalaman pada tahun 1998 yang mana beberapa tawaran awam permulaan (IPO) ditutup pada harga yang lebih rendah daripada harga tawaran serta berada di tahap bawah langganan. Justeru, dana yang diperolehi daripada tawaran awam permulaan adalah lebih rendah, iaitu sebanyak 85.5% kepada RM95.5 juta (Januari - Ogos 1998: RM656.7 juta). Walau bagaimanapun, dana yang diperolehi daripada terbitan hak telah meningkat dengan ketara sebanyak 152.6% kepada RM1.0 bilion (1998: RM424 juta) untuk menyumbang sebahagian besar (75.2%) daripada jumlah dana yang diperolehi di pasaran ekuiti, disusuli oleh terbitan khas bernilai RM200.5 juta (14.1%).

Selaras dengan pemulihan ekonomi dan jangkaan prestasi korporat yang lebih baik, sektor swasta berjaya memperoleh dana kasar yang lebih tinggi daripada terbitan PDS. Dana yang diperolehi daripada PDS meningkat 23.2% kepada RM6.9 bilion (Januari - Ogos 1998: RM5.6 bilion). Peningkatan ini adalah seiring dengan kadar semasa faedah dan inflasi negara yang rendah. Suasana kadar faedah yang rendah menggalakkan pelabur untuk cuba mendapatkan hasil yang lebih tinggi menerusi bon, di mana bon yang ditaraf AAA memberi hasil melebihi 7.0% dan melebihi 10.0% bagi bon yang ditaraf BBB. Di samping itu, kadar inflasi yang rendah bererti kurangnya tekanan untuk menaikkan kadar faedah yang boleh menurunkan harga bon. Sebahagian besar PDS diperolehi daripada bon Cagamas (RM4.1 bilion atau 59.7% daripada jumlah PDS), bon Islam (RM1 bilion atau 15.3%), bon langsung (RM660 juta atau 9.6%), bon boleh tukar (RM556 juta atau 8.1%) serta bon dengan waran (RM500 juta atau 7.3%). Setelah mengambil kira penebusan terbitan PDS yang cukup tempoh bernilai RM8.7 bilion, sektor swasta mencatatkan penebusan bersih sebanyak RM437 juta pada lapan bulan pertama 1999.

Pada sembilan bulan pertama 1999, **Cagamas Berhad** yang merupakan perbadanan gadai janji

negara telah memperolehi sejumlah RM19.7 bilion, melibatkan RM15.6 bilion nota daripada 18 terbitan dan RM4.1 bilion bon daripada 11 terbitan. Ini merupakan peningkatan 25.5% daripada RM15.7 bilion yang diperolehi pada tempoh yang sama tahun 1998, melibatkan RM12.8 bilion nota daripada 16 terbitan dan RM2.9 bilion bon, termasuk RM70 juta bon Islam daripada 8 terbitan. Sejumlah RM4.2 bilion pinjaman perumahan telah dibeli oleh Cagamas pada tempoh Januari - September 1999. Sebahagian besar pinjaman perumahan (86.1%) bernilai RM3.6 bilion dibeli daripada institusi-institusi kewangan dengan selebihnya bernilai RM0.5 bilion (12.3%) dibeli daripada Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan dan RM67 juta (1.6%) daripada syarikat.

Prestasi Cagamas dijangka bertambah baik pada tahun 1999 selaras dengan pemulihan ekonomi. Pengsekuritan pinjaman perumahan dan gadai janji oleh institusi kewangan kepada Cagamas dijangka turut meningkat sejajar dengan pemulihan jualan rumah kediaman.

Bilangan penarafan yang dikendalikan atas terbitan bon baru meningkat dengan ketara pada lapan bulan pertama 1999, selaras dengan peningkatan sentimen pelabur berikutan pemulihan dalam aktiviti ekonomi dan kestabilan di pasaran kewangan. Faktor lain yang mendorong peningkatan ketara dalam pembiayaan bon adalah bilangan yang lebih tinggi bagi penstrukturan semula hutang korporat yang dilaksanakan semasa tempoh kajian, serta suasana kadar faedah yang lebih rendah. Justeru, bilangan penarafan baru yang dikendalikan oleh **Rating Agency Malaysia (RAM)** ke atas terbitan bon baru telah meningkat dengan ketara kepada 26 terbitan baru bernilai RM28.0 bilion pada lapan bulan pertama 1999, berbanding dengan 4 terbitan baru bernilai RM0.6 bilion pada tempoh yang sama tahun 1998. Selain daripada penarafan sekuriti hutang swasta, RAM telah juga mengendalikan satu penarafan keupayaan tuntutan pembayaran balik dan satu lagi penarafan hutang utama. Penarafan bon yang dikendalikan adalah dari sektor infrastruktur dan utiliti, barangan perusahaan, perkhidmatan kewangan, pembinaan dan kejuruteraan, pelbagai pegangan, perlombongan dan petroleum, perdagangan dan perkhidmatan serta sektor harta tanah.

Jadual 8.12

**Dana yang diperolehi dari
Pasaran Modal**

	1998 Jan - Ogos (RM juta)	1999 ^a Jan - Ogos (RM juta)
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Hutang	5,827.8	9,392.6
Sekuriti Kerajaan Malaysia	4,500.0	6,000.0
Bon Khazanah	1,327.8	1,392.6
Terbitan Pelaburan Kerajaan	–	2,000.0
Tolak: Penebusan	6,374.0	6,151.8
Sekuriti Kerajaan Malaysia	4,700.0	4,150.0
Terbitan Pelaburan Kerajaan	750.0	2,000.0
Bon Simpanan Malaysia	924.0	1.8
Dana bersih yang diperolehi	–546.2	3,240.8
Oleh Sektor Swasta		
Pasaran Saham ¹	1,398.0	1,423.3
Terbitan awam	656.7	95.5
Terbitan hak	423.9	1,070.8
Terbitan khas	–	200.5
Tawaran Persendirian	317.4	56.5
Sekuriti Hutang ² (kasar)	5,582.3	6,870.8
Bon langsung	2,033.5	660.0
Bon boleh tukar	83.8	555.8
Bon berasaskan prinsip Islam	345.0	1,050.0
Bon dengan waran	150.0	500.0
Bon Cagamas	2,970.0	4,105.0
Tolak: Penebusan	4,325.2	8,730.9
Terbitan bersih sekuriti hutang	1,257.1	–1,860.1
Dana bersih sekuriti yang diperolehi	2,665.1	–436.8
JUMLAH	2,108.9	2,804.0

^a Data awalan.

¹ Tidak termasuk dana yang diperolehi melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah, Waran dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Boleh Tebus.

² Merujuk kepada sekuriti yang mempunyai tempoh matang melebihi setahun. Tidak termasuk sekuriti hutang yang diterbitkan oleh institusi perbankan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Agensi penarafan kedua, iaitu **Malaysian Rating Corporation (MARC)**, telah mengendalikan enam penarafan yang melibatkan lima hutang korporat dan satu penarafan insurans dengan jumlah nilai sebanyak RM4.38 bilion pada lapan bulan pertama 1999 (Januari-Ogos 1998: 9 penarafan bernilai RM0.9 bilion). Penarafan bon yang dikendalikan adalah dari sektor pembinaan, harta tanah, kredit konsumer dan utiliti. Daripada jumlah lima hutang korporat, empat merupakan sekuriti hutang swasta Islam.

Dari segi profil kematangan bon yang ditarafkan, terdapat kecenderungan bagi kertas jangka sederhana dan panjang, sejajar dengan langkah peserta pasaran ingin mengekalkan kos pembiayaan pada tahap yang rendah. Ini adalah berdasarkan jangkaan bahawa kadar faedah mungkin telah mencapai paras terendah berikutan pemulihan ekonomi. Dari segi jaminan, hanya satu terbitan bon dijamin bank, sementara satu lagi terbitan merupakan jaminan korporat dengan jumlah nilai sebanyak RM290 juta.

Bursa Saham Kuala Lumpur

Prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah bertambah baik pada sembilan bulan pertama 1999. Ini mencerminkan keyakinan yang meningkat di kalangan pelabur mengenai pemulihan dan prospek pertumbuhan ekonomi negara. Tanda aras Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (KLCI) bermula tahun 1999 dengan lemah, ekor dari sentimen lembab yang wujud pada tahun 1998 untuk ditutup pada 591.43 mata pada akhir Januari 1999. Pada bulan Februari, KLCI merosot kepada 542.23 mata akibat daripada tekanan jualan dalam tempoh sebelum pelaksanaan levi berperingkat. Arah menurun telah berterusan sehingga bulan Mac, dengan KLCI ditutup pada 502.82 mata dipengaruhi oleh jangkaan prestasi korporat tahun 1998 yang lemah, isu *Central Limit Order Book* dan kebimbangan berkaitan dengan keputusan pilihan raya negeri Sabah.

Walau bagaimanapun, pasaran saham berubah aliran pada bulan April didorong oleh pengumuman persepsi negara yang lebih baik oleh beberapa agensi penarafan asing. *Standard and Poor's* meningkatkan penarafan hutang negara daripada negatif kepada stabil, sementara *Morgan Stanley*

memperakukan tumpuan belian atas aset negara. Ini disusuli oleh peningkatan penarafan *Moody's* daripada negatif kepada stabil bagi mata wang asing negara serta peningkatan penarafan oleh *Fitch IBCA* bagi gred pelaburan negara daripada BB kepada BBB-. Sementara, pengurangan kadar campur tangan BNM daripada 7% kepada 6.5% pada 5 April telah menambahkan kecairan di pasaran ekuiti. Di samping itu, pengumuman petunjuk ekonomi yang bertambah baik telah juga mengukuhkan keyakinan pasaran. Keputusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk membenarkan terbitan dan penyenaaran waran baru bagi menggantikan waran sedia ada telah mengakibatkan penyertaan yang meningkat di kalangan pelabur runcit. KLCI mencecah paras 600 mata untuk ditutup pada 674.96 mata pada akhir April.

Sentimen yang bertambah baik telah berterusan pada bulan Mei, dengan KLCI mencecah paras psikologi 700 mata kepada 743.04 mata pada akhir Mei. Arah aliran meningkat di pasaran didorong oleh beberapa faktor, termasuk pengurangan kadar campur tangan BNM daripada 6.5% kepada 6% pada 3 Mei, rali pasaran saham di bursa serantau, kenaikan dalam *Dow Jones Industrial Average Index*, kejayaan terbitan bon global negara, serta peningkatan keyakinan mengenai kemapanan pemulihan ekonomi negara. Arah aliran yang meningkat berterusan sehingga bulan Jun, didorong oleh beberapa faktor seperti keyakinan pelabur yang semakin meningkat, kadar faedah yang rendah serta jangkaan pilihan raya awal yang menggalakkan minat pembelian saham. Justeru, KLCI mencecah paras 800 mata untuk ditutup pada 811.10 mata pada akhir Jun.

Arah aliran yang meningkat di BSKL bertukar arah pada suku ketiga tahun 1999, bermula dari pertengahan bulan Julai, terutamanya disebabkan oleh faktor luaran. Faktor ini termasuk kemerosotan indeks harga pasaran saham serantau, kebimbangan mengenai ketegangan politik China-Taiwan, kebimbangan terhadap kenaikan kadar faedah AS, kebimbangan terhadap kemapanan pemulihan ekonomi Jepun disebabkan pengukuhan yen, serta pengenalan sekatan urus niaga oleh beberapa syarikat broker saham. Justeru, KLCI ditutup lebih rendah pada 768.69 mata pada akhir Julai. Arah aliran menurun ini berterusan sehingga bulan Ogos. Walau bagaimanapun, pengumuman mengenai cadangan memasukkan semula Malaysia ke dalam Indeks *Morgan Stanley Capital*

International bermula dari Februari 2000 menyebabkan KLCI meningkat 40.46 mata dan 43.92 mata untuk ditutup pada 728.96 mata pada 12 Ogos dan 772.88 mata pada 13 Ogos 1999. Walau bagaimanapun, peningkatan ini tidak kekal disebabkan kebimbangan mengenai pengeluaran dana asing pada bulan September 1999 apabila pegangan tempoh setahun ke atas penghantaran keluar modal portfolio berakhir. Justeru, pasaran saham ditutup pada 767.06 mata pada akhir Ogos.

Jangkaan aliran keluar dana portfolio secara besar-besaran pada awal September tidak berlaku dan aliran keluar adalah tidak ketara. Justeru, penggantian sistem levi dua peringkat dengan levi tunggal sebanyak 10% ke atas penghantaran keluar keuntungan daripada pelaburan portfolio pada 21 September telah menyebabkan KLCI meningkat 29.27 mata atau 4.1% untuk ditutup pada 739.30 mata. Namun demikian, sentimen pasaran masih lemah pada bulan September selaras dengan sentimen pasaran serantau, serta kebimbangan mengenai pengukuhan yen dan kesannya terhadap ekonomi Jepun, serta kebimbangan yang berterusan mengenai kenaikan kadar faedah AS. Justeru, pasaran saham ditutup pada 675.45 mata pada akhir September. Walau bagaimanapun, paras ini masih 80.8% lebih tinggi berbanding 373.52 mata pada akhir September 1998. Begitu juga, nilai pasaran berjumlah RM457.6 bilion adalah sebanyak 83.7% lebih tinggi daripada nilai pasaran berjumlah RM249.1 bilion pada akhir September 1998. Ini bersamaan dengan 152.6% daripada KDNK pada tahun 1999, berbanding dengan 87.6% daripada KDNK pada tahun 1998. Dari segi kedudukan nilai pasaran dalam dolar AS, BSKL mencapai kedudukan yang kelapan terbesar di rantau Asia-Pasifik dan yang kedua terbesar di rantau Asean pada akhir Ogos 1999.

KLCI bertukar arah pada bulan Oktober, didorong oleh beberapa faktor seperti spekulasi rali sebelum pilihan raya umum, jangkaan bahawa bilangan bank utama akan ditambahkan, pengumuman data mengenai lebihan dagangan dan indeks pengeluaran perusahaan yang bertambah baik bagi bulan Ogos, serta prestasi kukuh *Wall Street* berikutan keputusan untuk mengekalkan kadar faedah. Justeru, KLCI mencecah paras 700 mata untuk berakhir pada 721.18 mata pada 15 Oktober 1999.

Selaras dengan pemulihan KLCI, jumlah urus niaga di BSKL meningkat 83.2% kepada 72.9 bilion unit pada sembilan bulan pertama 1999 (Januari-September 1998: 39.8 bilion unit). Purata urus niaga harian mencatatkan 394.2 juta unit dalam tempoh yang sama tahun 1999 (Januari-September 1998: 247.0 juta unit). Jumlah nilai urus niaga meningkat 83.4% kepada RM153.7 bilion (1998: RM83.8 bilion) didorong oleh harga saham yang lebih tinggi dan peningkatan dalam jumlah urus niaga. Dari segi prestasi sektor, sektor utama adalah perdagangan dan perkhidmatan dengan 25.4% daripada jumlah urus niaga, disusuli oleh pinjaman (16.6%) dan sektor kewangan (12.9%). Papan Utama menyumbang 94.0% daripada jumlah saham yang didagang (Januari - September 1998: 91.0%), sementara Papan Kedua menyumbang 6.0% (Januari-September 1998: 9.0%). Sebagai mencerminkan jumlah urus niaga yang lebih tinggi, mudah tunai pasaran seperti diukur oleh nisbah jumlah urus niaga kepada bilangan sekuriti yang disenaraikan, telah meningkat kepada 44.4% dalam tempoh kajian, berbanding 25.4% dalam tempoh yang sama tahun 1998.

Selaras dengan pemulihan rantau ini selepas dilanda krisis kewangan, bursa saham serantau juga meningkat pada tahun 1999. Prestasi pada akhir September 1999 berbanding kedudukan pada akhir September 1998, menunjukkan KLCI telah mencatatkan peningkatan 80.8% berbanding kenaikan indeks komposit Jakarta (98.4%), indeks *all-Singapore* (92.8%), indeks komposit Filipina (66.4%) dan indeks Thailand (53.5%). Walau bagaimanapun di Asia Timur, prestasi Indeks komposit Korea adalah lebih baik dengan mencatatkan peningkatan 169.5%.



Pada sembilan bulan pertama 1999, sejumlah 9 syarikat dengan modal nominal sebanyak RM349 juta telah disenaraikan di BSKL berbanding 26 syarikat dengan modal nominal sebanyak RM1.3 bilion pada tempoh yang sama tahun 1998. Dengan penyenaian baru ini, jumlah syarikat yang disenaraikan di BSKL adalah sebanyak 745, terdiri daripada 461 syarikat yang disenaraikan di Papan Utama dan 284 syarikat di Papan Kedua pada akhir September 1999 (akhir September 1998: 734 dengan 452 syarikat di Papan Utama dan 282 syarikat di Papan Kedua).

Terdapat beberapa perkembangan penting yang berkaitan dengan pasaran modal negara pada tahun 1999. Pada bulan Julai, Kerajaan meluluskan inisiatif SC untuk membangunkan satu Pelan Induk Pasaran Modal bertujuan untuk mengutamakan keperluan segera pasaran modal negara serta merangka arah masa depan dan pertumbuhan jangka panjang pasaran modal. Antara perkara lain, pelan induk bertujuan untuk mengutarakan kelemahan di pasaran modal seperti yang timbul semasa krisis, menyediakan satu rancangan strategik supaya memudahkan pembangunan perniagaan masa depan, serta membantu mewujudkan satu pasaran modal yang berketahanan dan berdaya saing. Justeru, satu Jawatankuasa Strategik Pasaran Modal telah dilantik untuk membantu dengan Pelan Induk Pasaran Modal. Jawatankuasa ini diketuai oleh Pengerusi SC dan diwakili oleh enam ahli dari industri pasaran modal.

Kerajaan telah juga menubuhkan satu Jawatankuasa Pasaran Bon Nasional (JPBN) bertujuan untuk menerajui segala usaha untuk membangunkan pasaran bon negara. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dan terdiri daripada wakil-wakil dari SS, BNM, Unit Perancang Ekonomi, Pendaftar Syarikat dan BSKL. JPBN ditugaskan untuk menyediakan arah tuju dasar keseluruhan serta merasionalisasi rangka pengawalseliaan dengan tujuan memastikan pembangunan teratur pasaran bon. Dalam perkara ini, JPBN akan menumpukan perhatian kepada tiga perkara, khususnya, pembaharuan perundangan dan pengawalseliaan, pembangunan produk dan institusi serta struktur pasaran dan intermediari. Pada masa yang sama, Kerajaan juga mengumumkan SC sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan tunggal bagi penyeliaan dan pengawalan pasaran bon korporat di negara.

SC dan BSKL telah juga memperkenalkan beberapa langkah pengawalan dan perundangan pada sembilan bulan pertama 1999. Langkah-langkah tersebut, bertujuan antara lain, untuk menggalakkan ketelusan dan penzahiran di dalam industri sekuriti, meningkatkan keyakinan pelabur dan keupayaan penguatkuasaan serta meningkatkan amalan pengurusan korporat. Langkah-langkah yang utama termasuk:

Carta 8.3
Bursa Saham



Jadual 8.13

Bursa Saham Kuala Lumpur: Petunjuk Terpilih

	Jan - Sept 1998	Jan - Sept 1999
Indeks Harga¹		
Komposit	373.52	675.45
Emas	99.34	174.81
Papan Kedua	92.69	153.60
Jumlah Urus Niaga²		
Jumlah (bilion unit)	39.77	72.93
Nilai (RM bilion)	83.75	153.74
Purata Urus Niaga Harian²		
Jumlah (bilion unit)	246.99	394.20
Nilai (RM juta)	520.18	831.01
Nilai Pasaran¹ (RM bilion)	249.13	457.55
Nilai Pasaran¹/KDNK (%)	71.8	181.4
Jumlah Syarikat Yang Disenaraikan¹	734	745
Papan Utama	452	461
Papan Kedua	282	284
Mudah Tunai Pasaran¹		
Nilai Urus Niaga/Nilai Pasaran (%)	33.6	33.6
Nilai Urus Niaga/Bilangan Sekuriti Yang Disenaraikan (%)	25.4	44.4
Penumpuan Pasaran¹		
10 Saham Dengan Nilai Pasaran Tertinggi/Nilai Pasaran (%)	32.0	33.0
Purata Modal Berbayar Syarikat Broker Saham¹ (RM juta)	82.61	84.82

¹ Pada akhir tempoh.

² Urus niaga pasaran sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur

Kod Baru Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Penggabungan

Kod baru negara mengenai Pengambilalihan dan Penggabungan 1998 berkuatkuasa mulai 1 Januari 1999 sebagai perundangan bagi mentadbir pengambilalihan dan penggabungan di negara, menggantikan kod negara berhubung dengan Pengambilalihan dan Penggabungan 1987. Kod baru ini bertujuan untuk mempertingkatkan

ketelusan serta melindungi pemegang saham minoriti dengan:

- Memastikan bahawa pemegang saham minoriti diberi peluang yang saksama untuk menilai kebaikan dan keburukan sesuatu tawaran dan untuk membolehkan mereka membuat keputusan sama ada untuk terus memegang atau menjual saham mereka; dan
- Mewajibkan dokumen-dokumen tawaran, surat pekeliling lembaga pengarah dan surat pekeliling nasihat berkecuali bagi memuatkan semua maklumat berkaitan yang diperlukan oleh para pemegang saham dan penasihat profesional mereka.

Di samping itu, rangka kerja pengawalseliaan baru mengenakan liabiliti jenayah ke atas pihak berkaitan dengan sesuatu tawaran pengambilalihan kerana memberikan maklumat palsu atau mengelirukan SC dan pemegang saham. Selaras dengan amalan antarabangsa, kod baru juga mengandungi peruntukan yang dipinda berhubung dengan pengambilalihan secara senyap untuk membolehkan seseorang pengambilalih yang memegang antara 33%-50% daripada saham undi di sesuatu syarikat untuk mengambil alih 2% dalam tempoh enam bulan berbanding dengan 12 bulan.

Keperluan Kecukupan Modal Baru

SC telah meluluskan rangka kerja kecukupan modal baru yang berasaskan risiko untuk menggantikan Tabung Kecairan Minimum. Penekanan kecukupan modal baru adalah untuk memastikan sumber kewangan dan modal syarikat broker saham sentiasa dikekalkan dalam bentuk yang cair bagi memenuhi jumlah keperluan bidang risiko berasingan syarikat broker saham tersebut.

Pelaksanaan Sistem Amaran Awal Untuk Industri Derivatif

Sistem amaran awal untuk mengawasi tahap Modal Bersih Terselaras broker niaga hadapan telah dilaksanakan pada 4 Januari 1999. Sistem ini membolehkan Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur, Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia, Rumah Penjelasan Derivatif Malaysia dan pihak SC mengawasi keadaan modal

dan kecairan broker niaga hadapan, di samping membolehkan pengawalselia mengambil tindakan yang proaktif atau sewajarnya bagi memastikan keselamatan dana klien dan keutuhan pasaran.

Pengenalan Perjanjian Remisier Piawai Baru

Satu Perjanjian Remisier Piawai Baru yang merangkumi perhubungan di antara semua remisier dan syarikat ahli industri broker saham telah diperkenalkan. Antara perkara yang diutarakan oleh perjanjian baru ini:

- Remisier kini dianggap sebagai agen syarikat broker saham yang berdagang dalam sekuriti bagi pihak syarikat. Isu ini tidak ketara dalam peraturan-peraturan sebelumnya;
- Cagaran sekuriti remisier dalam bentuk tunai hendaklah diletakkan dalam akaun amanah dengan bank-bank yang dilesenkan di bawah Akta Institusi Perbankan dan Kewangan 1984 atau Akta Perbankan Islam 1983;
- Fasal eksplisit yang menentukan hak remisier dan syarikat broker saham;
- Remisier boleh menyimpan komisen yang diperolehi, iaitu RM1,000 dan ke bawah, tertakluk kepada caj, kos dan levi yang dibelanjakan.

Laporan Suku Tahunan Penyata Kewangan oleh Syarikat Awam Tersenarai dan Had Ke atas Bilangan Jawatan Pengarah

Keperluan baru yang mewajibkan laporan penyata kewangan secara suku tahunan dan menghadkan bilangan jawatan pengarah telah diperkenalkan. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan penzahiran dan pengurusan korporat. Syarikat awam tersenarai kini diwajibkan untuk menghantar penyata kewangan secara suku tahunan, terdiri daripada penyata pendapatan, kunci kira-kira dan nota penjelasan kepada BSKL untuk terbitan umum, serta menerbitkan akaun yang telah diaudit dalam 4 bulan sebelum akhir tahun kewangan. Langkah ini bertujuan menyediakan maklumat yang mencukupi, tepat pada masanya dan betul supaya membantu pelabur membuat keputusan berasaskan maklumat dan dengan itu mengurangkan risiko pelaburan untuk pelabur serta meningkatkan kebertanggungjawapan syarikat awam tersenarai.

Di samping itu, pengarah syarikat awam tersenarai kini dilarang memegang lebih daripada 10 jawatan pengarah di dalam syarikat awam tersenarai dan lebih daripada 15 jawatan pengarah dalam syarikat tidak tersenarai. Ini akan meningkatkan keunggulan pengurusan korporat dengan membolehkan pengarah syarikat awam tersenarai untuk menumpukan lebih banyak masa dan perhatian kepada sekumpulan syarikat yang lebih kecil. Langkah ini juga akan mengurangkan dan membasmi amalan pengarah memegang jawatan tersebut hanya untuk menumpang nama dan reputasi mereka kepada syarikat awam tersenarai tersebut tanpa memberikan kebertanggungjawapan yang lebih berkesan kepada syarikat tersebut.

Laporan Pengurusan Korporat

Jawatankuasa Kewangan untuk Pengurusan Korporat telah mengeluarkan Laporan Pengurusan Korporat pada bulan Mac 1999. Laporan ini merangkumi perakuan untuk:

- Mengukuhkan rangka kerja berkanun dan kawal selia untuk pengurusan korporat yang baik;
- Mempertingkatkan taraf mekanisme pengawalseliaan sendiri yang mendorong pengurusan korporat yang unggul; dan
- Mengenal pasti program latihan dan pendidikan supaya rangka kerja yang disarankan akan disokong oleh modal, sumber manusia dan institusi yang diperlukan.

Satu Pasukan Pelaksanaan Projek yang terdiri daripada wakil dari SC, Pendaftar Syarikat, BSKL dan Kesatuan Syarikat-syarikat Awam Tersenarai telah ditubuhkan pada 29 Januari 1999 untuk menerajui dan menyelaraskan pelaksanaan perakuan Laporan Pengurusan Korporat.

Pindaan Kepada "Polisi dan Garis Panduan bagi Terbitan/Penawaran Sekuriti" (Garis Panduan Terbitan) dan Fleksibiliti bagi Terbitan Waran Gantian

Beberapa keperluan berhubung dengan penyenaraian, pengambilalihan dan penyenaraian

pintu belakang diperketatkan untuk meningkatkan apungan bebas dan kecairan syarikat-syarikat tersenarai. Langkah ini bertujuan untuk memastikan bahawa piawaian penyenaraian lebih kukuh dan berdaya saing serta meningkatkan keyakinan para pelabur. Antara perubahan utama adalah seperti berikut:

- Meningkatkan keperluan minimum modal diterbitkan dan berbayar syarikat yang memohon untuk disenaraikan di Papan Utama dan Papan Kedua serta memansuhkan had maksimum ke atas syarikat yang memohon untuk disenaraikan di Papan Kedua;
- Mengetatkan keperluan rekod keuntungan bagi syarikat yang memohon penyenaraian di Papan Utama dan Papan Kedua bagi tawaran umum permulaan dan pengambilalihan akas/penyenaraian pintu belakang;
- Memansuhkan keperluan supaya keuntungan bagi tahun-tahun hadapan mencerminkan arah aliran meningkat dan menggantikannya dengan keperluan baru. Syarikat-syarikat yang memohon untuk disenaraikan, sama ada di Papan Utama atau Papan Kedua perlu, selepas penyenaraian, berupaya mengekalkan keuntungan pada tahap yang sejajar dengan asas modal saham yang telah ditingkatkan;
- Mengetatkan kriteria bagi penyenaraian syarikat pembangunan harta tanah yang hanya dibenarkan di Papan Utama, tertakluk kepada prestasi keuntungan dan aset; dan
- Membenarkan penyenaraian syarikat-syarikat pembinaan dan perdagangan/jualan runcit hanya di Papan Utama, tertakluk kepada kriteria yang ketat.

Di samping itu, SC juga membenarkan syarikat tersenarai di BSKL untuk menerbitkan dan menyenaraikan waran ekuiti baru untuk menggantikan waran ekuiti sedia ada, memandangkan kebanyakan waran yang sekarang ini disenaraikan di BSKL menjadi "out-of-the-money" akibat kegawatan ekonomi.

Dana Pampasan BSKL

Dana pampasan yang kini berjumlah RM20 juta akan dipertingkatkan lagi dengan sumbangan daripada SC dan BSKL. Selain itu, syarikat ahli BSKL dikehendaki menambahkan sumbangan tahunan mereka daripada RM10,000 kepada RM50,000 dalam tahun 1999 dan daripada RM50,000 kepada RM100,000 dalam tahun-tahun yang berikutnya. Dana pampasan ditingkatkan untuk memastikan bahawa aset pelabur dilindungi, memandangkan kesulitan kewangan yang dihadapi oleh industri broker saham semasa krisis. Ini juga bertujuan untuk mengurangkan risiko sistemik sekiranya ramai pelanggan tidak menjelaskan akaun mereka.

Penubuhan Kemudahan Kredit Tunggu Sedia SCANS

Kemudahan kredit tunggu sedia yang berjumlah RM500 juta telah ditubuhkan bagi rumah penjelasan bursa saham SCANS untuk digunakan jika syarikat ahli BSKL tidak dapat menunaikan tuntutan kewangan semasa aktiviti dagangan mereka.

Peningkatan Ketelusan dan Kebertanggungjawapan Berhubung Dengan Syarikat Ahli

Peraturan 16A BSKL Berhubung Dengan Syarikat Ahli dikuatkuasakan mulai 1 Julai 1999. Peraturan ini mengenakan piawaian minimum bagi perakaunan faedah ke atas akaun tidak berbayar dan peruntukan bagi hutang lapuk dan hutang ragu di dalam penyata kewangan syarikat broker saham (SBS). Ini bertujuan meningkatkan ketelusan dalam perakaunan SBS dan kebertanggungjawapan SBS terhadap pengurusan berhemat perniagaan mereka. Kementerian Kewangan telah meluluskan pelepasan cukai kepada SBS bagi tahun 1999 dan 2000. Di samping itu, SBS juga diberi tempoh peralihan bagi pematuhan penuh peraturan 16A.

Perkhidmatan Penyelesaian Keinstitusian

Sistem ini dilancarkan oleh BSKL pada 15 Julai 1999 menerusi rumah penjelasan Bursa, iaitu SCANS untuk menyelesaikan semua dagangan pasaran institusi. Dengan sistem ini, penghantaran-lawan-pembayaran yang melibatkan pemindahan

saham dan tunai pada hari yang sama, akan dicapai untuk semua dagangan di BSKL. Ciri utama sistem opsyen ini ialah bahawa keahlian SCANS kini terbuka kepada institusi bukan broker saham, termasuklah bank penjaga. Ini akan memanfaatkan pelabur, antara lain, pelanggan institusi asing yang berdagang dalam sekuriti Malaysia dan seterusnya menggalakkan penyertaan institusi yang lebih giat di BSKL.

Pindaan Kepada Syarat Penyenggaraan Dan Nota Amalan Baru

Dasar baru mengenai penggantungan bertujuan memastikan perdagangan secara berterusan bagi sekuriti yang disenaraikan dan fungsi pasaran berjalan dengan lancar serta menumpukan kepada perkara yang berikut:

- Sebarang syarikat tersenarai yang memohon penggantungan perlu membuktikan dan menyokong permohonan tersebut; dan
- Tempoh penggantungan berbeza daripada satu hari perdagangan pasaran kepada had maksimum sehingga tiga hari perdagangan.

Penajaan Resit Deposit Amerika Syarikat (ADR) atau Resit Deposit Global (GDR)

Penajaan program ADR atau GDR oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Ini bertujuan untuk meningkatkan minat asing terhadap sekuriti Malaysia.

Kelonggaran Untuk Perubahan Kepada Jaminan Keuntungan

SC telah membenarkan kelonggaran untuk perubahan kepada perjanjian jaminan keuntungan selepas mengkaji keperluan bagi perubahan terhadap jaminan keuntungan. Kelonggaran ini berkait dengan permohonan yang dikemukakan selepas tahun kewangan berakhir dan permohonan yang melibatkan perubahan bagi obligasi jaminan keuntungan tahun pertama. Permohonan seperti ini sekarang dibenarkan jika penjamin boleh membuktikan bahawa mereka tidak mempunyai keupayaan kewangan untuk memenuhi obligasi jaminan keuntungan.

Pada masa yang sama, langkah-langkah juga diperkenalkan untuk menentukan kepentingan pelabur dijaga walaupun kelonggaran dibenarkan. Dalam perkara ini, penjamin yang ingin mengubah tempoh jaminan keuntungan atau nilai yang dijamin hendaklah menyediakan satu margin sekuriti yang bersamaan dengan sekurang-kurangnya 120% daripada keuntungan tahunan asal yang dijamin seperti yang dinyatakan dalam prospektus syarikat.

Industri Sekuriti (Pematuhan Dengan Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan) Peraturan 1999

Industri Sekuriti (Pematuhan Dengan Piawaian Perakaunan Yang Diluluskan) Peraturan 1999 telah berkuatkuasa mulai Jun 1999. Peraturan ini memberi kuasa kepada SC untuk memastikan kualiti maklumat yang disediakan oleh syarikat yang disenaraikan, iaitu penyata kewangan adalah menurut piawaian yang tinggi dan mematuhi piawaian perakaunan yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ) yang ditubuhkan pada bulan Oktober 1997 telah memulakan urusan niaga pada 30 April 1999. Pada akhir Ogos 1999, hanya satu syarikat, iaitu Supercomal Technologies Bhd. disenaraikan di MESDAQ. Walau bagaimanapun, empat syarikat lagi dijangka disenaraikan di MESDAQ pada suku keempat tahun 1999. Dari segi keahlian, MESDAQ mempunyai 13 ahli, 3 penasihat, 5 penaja dan 7 penggerak pasaran serta 1,989 wakil peniaga berdaftar. Jumlah urusan niaga adalah sebanyak 3.9 juta unit bernilai RM12.8 juta pada akhir Ogos 1999. Pelbagai langkah terus diambil oleh MESDAQ untuk mempromosikan bursanya, termasuk menganjurkan persembahan, seminar dan dialog serta mengadakan publisiti menerusi temu bual, media massa dan halaman web. MESDAQ telah juga menerbitkan satu buku bertajuk "Going Public on MESDAQ" sebagai panduan kepada syarikat yang ingin disenaraikan serta mengeluarkan brosur untuk pelabur.

Urus niaga kontrak hadapan indeks komposit (FKLI) BSKL di **Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE)** merosot 47.1% kepada 371,147 kontrak pada sembilan bulan pertama 1999 (Januari - September 1998: 701,267 kontrak). Begitu juga, purata urusan niaga

harian telah menguncup 47.9% kepada 2,006 kontrak (Januari - September 1998: 3,853 kontrak). Sementara, bukaan akhir bulan merosot 79.7% kepada 2,903 kontrak (Januari - Ogos 1998: 14,293 kontrak). Nisbah Mudah Tunai Derivatif yang mengukur jumlah nilai kontrak hadapan yang diniagakan kepada jumlah nilai 100 stok komponen yang diniagakan juga merosot 64.6% pada bulan Ogos 1999. Kemerosotan prestasi kontrak FKLI, adalah terutamanya disebabkan penyertaan asing dan tempatan yang berkurangan. Institusi asing yang menyumbang sebanyak 47% daripada jumlah urusan niaga pada tahun 1998, merosot kepada 11% daripada jumlah urusan niaga pada empat bulan pertama 1999.

Walaupun bagaimanapun, urusan niaga bulanan pada sembilan bulan pertama 1999 telah pulih daripada tahap terendah, iaitu sebanyak 16,893 kontrak pada bulan Oktober 1998 kepada purata bulanan sebanyak 41,238 kontrak. Pada tempoh kajian, urusan niaga FKLI mencapai tahap tertinggi pada bulan Mei 1999 dengan 58,378 kontrak dan purata urusan niaga harian sebanyak 2,780 kontrak. Pada akhir September 1999, KLOFFE mempunyai 59 ahli tempatan, 40 ahli dagangan yang terdiri daripada 28 yang berlesen dan 632 wakil broker hadapan.

Perkembangan penting bagi KLOFFE ialah pengambilalihannya oleh BSKL pada bulan Januari 1999. Ini membolehkan pengukuhan yang meningkat dalam bidang pembangunan perniagaan dan keperluan sistem antara kedua-dua bursa serta meningkatkan lagi keyakinan pelabur dalam pasaran kewangan negara. Usaha-usaha yang diambil oleh KLOFFE untuk mempromosikan bursa termasuk mengadakan perbincangan dengan pelabur asing dan tempatan, menganjurkan seminar untuk mendidik pelabur mengenai pasaran hadapan di samping memperhebatkan publisiti mengenai aktiviti KLOFFE menerusi media massa.

Urus niaga kontrak hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) 3 bulan di **Bursa Komoditi dan Kewangan Malaysia (COMDEX)**, yang merupakan entiti penggabungan antara Bursa Kewangan Malaysia dan Bursa Komoditi Kuala Lumpur telah merosot 9.2% kepada 19,827 kontrak pada sembilan bulan pertama 1999 (Januari - September 1998: 21,824 kontrak). Urusan niaga yang lebih rendah ini disebabkan oleh penyertaan asing yang berkurangan.

Walau bagaimanapun, kedudukan bulanan pada akhir September 1999 adalah sebanyak 5,660 kontrak berbanding 2,459 kontrak pada akhir September 1998. Peningkatan 130.2% ini disebabkan aktiviti dalam kedudukan terbuka lindung nilai yang aktif tetapi bertaburan oleh pemain di atas kaunter seperti Commerce International Merchant Bankers, BSN Commercial Bank, Arab Malaysian Merchant Bankers dan Standard Chartered Bank Malaysia. Penetapan kadar ringgit juga menyebabkan KLIBOR digunakan sebagai kadar rujukan bagi harga pertukaran kadar faedah berbanding kadar pertukaran asing. Oleh demikian, pembekal pertukaran lebih cenderung kepada kontrak hadapan KLIBOR 3 bulan sebagai instrumen lindung nilai untuk melindungi nilai daftar pertukaran. Pada akhir September 1999, COMMEEX telah mendaftarkan seramai 8 ahli broker am, 7 ahli broker kewangan, 10 ahli bukan broker kewangan dan 47 ahli dagangan tempatan untuk pasaran hadapan KLIBOR 3 bulan.

Berhubung dengan minyak mentah sawit (CPO), jumlah kontrak jualan adalah sebanyak 7.65 juta

tan metrik atau 306,121 lot pada tempoh sembilan bulan pertama 1999. Ini merupakan peningkatan 3.7% berbanding tempoh yang sama tahun 1998 (295,133 lot). Urus niaga purata berjumlah 1,664 lot (Januari - September 1998: 1,615 lot). Sementara, jumlah kedudukan terbuka bertambah baik daripada 4,906 lot pada bulan Januari 1999 kepada 7,167 lot pada bulan September 1999 yang merupakan peningkatan ketara sebanyak 41.6%. Arah aliran harga minyak mentah sawit telah menurun semenjak awal tahun 1999. Minyak sawit mentah telah diniagakan pada paras premium berbanding pesaing utama seperti minyak kacang soya bagi tempoh yang lama, iaitu selama 15 bulan sejak bulan Mac 1998. Walau bagaimanapun, harga minyak mentah sawit baru-baru ini telah menurun dan sekarang diniagakan pada diskaun kepada minyak kacang soya. Perkembangan harga ini boleh dikaitkan dengan pengeluaran minyak mentah sawit dan penawaran untuk eksport yang lebih tinggi di Asia Tenggara. Berbanding pengeluar utama minyak mentah sawit yang lain, pengeluaran minyak mentah sawit negara telah pulih dengan lebih pantas daripada tekanan kemarau. Pada

Jadual 8.14

Industri Unit Amanah : Petunjuk Terpilih

	1998 ¹			1999 (akhir Ogos)		
	<i>Dana Yang Disokong Kerajaan</i>	<i>Dana Swasta</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Dana Yang Disokong Kerajaan</i>	<i>Dana Swasta</i>	<i>Jumlah</i>
Jumlah Syarikat Pengurusan Unit Amanah	10	22	32	10	22	32
Jumlah Dana Unit Amanah ²	28	61	89	29	69	98
Unit dalam Edaran (bilion)	35.512	11.026	46.538	34.167	13.999	48.166
Bilangan Akaun (juta)	7.745	0.843	8.588	7.865	0.930	8.812
Nilai Aset Bersih (NAV) (RM bilion)	32.325	6.403	38.728	30.433	9.602	39.775
NAV/Nilai Pasaran BSKL (%)	8.63	1.71	10.34	5.90	1.87	7.74

¹ Akhir tempoh.

² Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti

akhir September 1999, COMMEX telah mendaftarkan seramai 13 ahli broker dan 36 ahli komoditi bukan broker bagi pasaran hadapan minyak mentah sawit.

Sejajar dengan pemulihan pasaran ekuiti, **industri unit amanah** terus berkembang pada tahun 1999 dengan pelancaran sembilan dana unit amanah baru pada lapan bulan pertama 1999 (juga sembilan bagi sepanjang tahun 1998). Dengan ini, jumlah unit amanah yang beroperasi

adalah sebanyak 98, dengan 69 dana swasta dan 29 dana disokong Kerajaan. Unit amanah dalam edaran meningkat 1.63 bilion unit kepada 48.17 bilion unit pada akhir Ogos 1999 daripada 46.54 bilion unit pada akhir tahun 1998. Nilai aset bersih (NAV) industri unit amanah meningkat 2.8% kepada RM39.8 bilion pada akhir Ogos 1999 daripada RM38.7 bilion pada akhir tahun 1998 (akhir tahun 1997: RM33.6 bilion). Namun demikian, nisbah NAV industri kepada nilai pasaran BSKL merosot daripada 10.3% pada akhir tahun 1998 kepada 7.7% pada akhir Ogos 1999.